

"DARIPADA Ibnu 'Abbas Radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda : Maksudnya : "Tidak ada amal soleh yang lebih afdal daripada amal soleh pada hari-hari ini (10 hari pertama bulan Zulhijah). Para sahabat bertanya : Dan tidak juga jihad (mampu menandinginya)? Baginda menjawab : Dan tidak juga jihad (mampu menandinginya), kecuali seorang yang keluar berjuang dengan jiwa dan hartanya lalu dia tidak kembali dengan suatu apa pun (mati syahid)". (Hadis riwayat Imam Al-Bukhari).

KEBAWAH DYMM DALAM KEADAAN SIHAT SEJAHTERA

KUALA LUMPUR, Selasa, 27 Mei. - Jabatan Perdana Menteri ingin memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan

■ Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Negara Brunei Darussalam adalah dalam keadaan sihat sejahtera.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sedang berada di Malaysia untuk menghadiri Sidang

Kemuncak ASEAN Ke-46 dan Sidang-sidang Berkaitan.

Baginda telah berasa letih dan atas nasihat pakar kesihatan tuan rumah, untuk berehat beberapa hari di Institut Jantung Negara, Kuala Lumpur, Malaysia.

Mengukuhkan kerjasama transformasi digital, pembangunan sumber manusia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Sidang Kemuncak ASEAN-GCC Ke-2, yang diadakan di Pusat Persidangan Kuala Lumpur. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

■ Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri



KUALA LUMPUR, Selasa, 27 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini

berkenan berangkat ke Sidang Kemuncak ASEAN-GCC Ke-2, yang telah diadakan di Pusat Persidangan Kuala Lumpur.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah dengan menyatakan pandangan bahawa persidangan Sidang Kemuncak ini adalah tepat pada masanya kerana kedua-dua wilayah mengharungi landskap global yang tidak menentu

yang dicirikan oleh persaingan kuasa utama dan peningkatan perlindungan perdagangan.

Oleh yang demikian titah baginda, ASEAN dan GCC digalakkan untuk membina hasil positif Sidang Kemuncak Pertama ASEAN-GCC di Riyadh, Arab Saudi, untuk meningkatkan peluang ekonomi dan mengukuhkan daya tahan terhadap cabaran bersama.

>> Muka 3

Hari Raya Aidiladha bagi 1446H pada 7 Jun

■ Oleh : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 Mei. - Dengan perkenan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan, maka Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam,

dengan ini memaklumkan bahawa ketetapan 1 Zulhijah 1446 Hijrah bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) jatuh pada Khamis, 29 Mei 2025 Masihi.

>> Muka 8



Berita Utama



SESI dialog kongsi pengalaman pengajian perubatan, kesihatan

Muka 9



192 terima Anugerah Pelajar Cemerlang

Muka 12



TEROKA peluang kerjaya dalam sektor pelancongan

Muka 18



RENCANA

PASTIKAN sumber kewangan mencukupi, bagi masa depan yang cerah

Muka 21



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa berucap pada Upacara Perbarisan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Penubuhan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) Ke-65 bagi Tahun 2025 bertempat di Padang Kawad Ibu Pejabat JBP, Landasan Lama, Berakas pada Selasa, 13 Mei 2025.

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Waddeen
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil
Mursaleen
Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala
Alihie Wasahbihee Ajma'een

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

ALHAMDULILLAH, marilah kita sama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala

Pengorbanan anggota bomba, tanggungjawab mulia

kerana dengan izin serta limpah rahmat dan hidayah-Nya jua, kita dapat bersama-sama hadir ke Upacara Perbarisan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Penubuhan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) Ke-65 bagi Tahun 2025. Pada hari ini juga, kita turut memperingati Hari Bomba Sedunia (World Firefighters' Day), yang disambut setiap 4 Mei sebagai simbol pengiktirafan global terhadap komitmen dan pengorbanan anggota bomba dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab mereka yang mulia.

Tidak dinafikan, tugas yang digalas oleh JBP adalah semakin hari semakin mencabar. Mereka meletakkan diri mereka dalam pelbagai situasi yang amat kompleks dan berisiko tinggi demi menyelamatkan nyawa dan harta benda. Kesungguhan pasukan bomba dan penyelamat dalam mengendalikan kes-kes kecemasan seperti kemalangan, kebakaran dan bencana alam adalah antara simbol keberanian yang ada dalam jiwa setiap ahli bomba dan penyelamat. Selain itu, peranan pasukan bomba dan penyelamat ini juga adalah selaras dengan prinsip Maqasid Syariah, yang merangkumi lima objektif utama, antaranya memelihara nyawa, harta benda, di samping pemeliharaan agama, akal dan keturunan.

Jasa anggota-anggota bomba sewajarnya dihargai, justeru itu, peramba, saya di kesempatan ini sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga JBP atas pengorbanan demi menjamin keselamatan masyarakat dan negara tanpa mengira masa dan keadaan. Peramba, saya juga berdoa semoga seluruh warga JBP sentiasa berada dalam perlindungan dan pemeliharaan daripada segala bentuk bencana dan

musibah.

65 tahun menandakan satu perjalanan yang cukup panjang yang telah dilalui oleh JBP. Sejak penubuhannya pada tahun 1960 yang mana pada mulanya hanyalah sebagai sebuah unit kecil di bawah Pasukan Polis, kini telah berkembang menjadi sebuah jabatan dan sebagai institusi keselamatan awam yang lengkap dengan unit-unit kepakaran seperti Pasukan Mencari dan Menyelamat, Unit Penyelam dan Unit Hazmat. Sambutan ini bukan sekadar mengenang sejarah, tetapi juga menjadi asas untuk bermuhasabah diri untuk memperbaharui iltizam dalam mengurangkan risiko kebakaran serta bertindak secara profesional dalam apa jua situasi kecemasan.

Cabaran keselamatan awam hari ini adalah semakin kompleks, terutamanya dengan impak perubahan iklim yang menyebabkan meningkatnya risiko kebakaran hutan dan belukar, kejadian banjir, tanah runtuh, angin kencang dan bencana alam yang lainnya. Insiden kebakaran besar yang berlaku di luar negara hendaklah dijadikan peringatan jelas betapa pentingnya kesiapsiagaan pasukan khasnya dan negara amnya dalam memastikan sebarang insiden dapat ditangani dengan segera bagi mengurangkan impak bukan sahaja kepada nyawa akan tetapi kepada harta benda. Justeru, peramba, saya menyeru agar JBP terus mengemas kini dan memperbaharui strategi mitigasi dalam memperkukuhkan lagi tindakan pencegahan, khususnya di kawasan yang dikenal pasti berisiko tinggi, dengan sokongan dan kerjasama erat antara agensi yang berkaitan.

Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah tidak terkecuali daripada risiko bencana geologi. Kejadian gempa bumi di Semenanjung Zamboanga, Filipina pada

bulan Julai tahun lalu, yang mencatatkan gegaran 6.4 skala Richter, turut dirasai di 13 lokasi berasingan di negara kita. Manakala kejadian terbaharu gempa bumi di Myanmar, dengan magnitud 7.9 skala Richter, telah menyebabkan kemusnahan besar di kawasan berhampiran, termasuk di bandar raya Bangkok.

Peristiwa-peristiwa ini wajar dijadikan iktibar agar kita sentiasa bersiap sedia dalam menghadapi kemungkinan. Sehubungan itu, peramba, saya amat menyokong usaha jabatan untuk memperkasakan Skwad Khasnya bagi menangani insiden bencana dalam apa jua skalanya. Bersempena dengan ulang tahun pada tahun ini, adalah satu detik yang amat bermakna apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi penjenamaan semula Skwad Khas JBP untuk dikenali sebagai SATREA iaitu singkatan daripada Special Technical Rescue Assistant.

Pasukan ini dirancang untuk dinaik taraf sebagai pasukan Technical Rescue selaras dengan piawaian National Fire Protection Association (NFPA), dan merupakan sebagai langkah awal ke arah melengkapkan pasukan ini dengan keupayaan Urban Search and Rescue (USAR). Usaha ini juga bertujuan untuk memperoleh pengiktirafan di peringkat antarabangsa iaitu International Search and Rescue Advisory Group (INSARAG). Dengan pencapaian ini, pasukan kita akan mampu 'berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah' dengan pasukan-pasukan bomba elit dari negara jiran seperti Disaster Assistance and Rescue Team (DART) dari Singapura dan Special Tactical Operation and Rescue Team (STORM) dari Malaysia.

>> Muka 7

WAKTU SEMBAHYANG										
MEI MASIHI	HARI	ZULKAEDAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
28	RABU	30	4.33	4.43	6.06	6.30	12.19	3.43	6.29	7.44
29	KHAMIS	1 ZULHIJAH	4.33	4.43	6.06	6.30	12.19	3.43	6.29	7.44
30	JUMAAT	2	4.33	4.43	6.06	6.30	12.19	3.43	6.29	7.44
31	SABTU	3	4.32	4.42	6.06	6.30	12.19	3.44	6.29	7.44
1 JUN	AHAD	4	4.32	4.42	6.07	6.30	12.19	3.44	6.30	7.45
2	ISNIN	5	4.33	4.43	6.07	6.31	12.19	3.44	6.30	7.45
3	SELASA	6	4.33	4.43	6.07	6.31	12.19	3.45	6.30	7.45

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
32 25 °C	30 24 °C	32 24 °C	
Pekan Bangar			
32 25 °C	30 25 °C	31 24 °C	
Pekan Tutong			
32 25 °C	30 24 °C	32 25 °C	
Kuala Belait			
32 25 °C	30 25 °C	32 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

28 MEI 2025

Membina Komuniti ASEAN lebih kukuh, berdaya tahan

BERPERANAN sebagai forum perundingan berprofil tinggi mengenai isu-isu serantau dan global, Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 yang berlangsung di Kuala Lumpur merupakan titik tumpuan utama bagi para pemimpin Negara Anggota ASEAN dalam menilai kemajuan Komuniti ASEAN secara menyeluruh merentasi tiga tonggak utama iaitu politik-keselamatan, ekonomi dan sosiobudaya. Selain itu, sidang ini juga menjadi kepentingan bersama dan landasan jangka panjang bagi masa depan ASEAN. Salah satu pencapaian paling bersejarah dalam sidang ini ialah pemeteraian 'ASEAN 2045 : Our Shared Future' yang bakal menggantikan dokumen 'ASEAN 2025: Forging Ahead Together'.

Visi Komuniti ASEAN yang baharu ini akan mengemudi arah hala tuju rantau ini untuk dua dekad akan datang dengan tumpuan kepada daya tahan, inovasi, keterangkuman dan kesejahteraan rakyat.

'ASEAN 2045 : Our Shared Future' mengandungi enam dokumen strategik - termasuk Deklarasi Kuala Lumpur mengenai ASEAN 2045 - menegaskan komitmen negara anggota dalam membina komuniti ASEAN yang berdaya saing serta bersedia menghadapi cabaran megatrend global seperti perubahan iklim, teknologi disruptif dan krisis ketidakpastian geopolitik.

Secara keseluruhannya, Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 membuktikan bahawa rantau ini bukan sahaja bersatu dalam aspirasi bersama, tetapi turut bersedia untuk melakar masa depan yang lebih progresif dan inklusif. Selain itu, kepentingan prinsip ASEAN Centrality mengekalkan ASEAN sebagai entiti utama dalam memperkukuh kerjasama serantau yang terbuka, inklusif dan aman.

Malaysia selaku tuan rumah dan Pengerusi ASEAN 2025 telah memainkan peranan penting dalam memperkukuh perpaduan serantau, mengukuhkan jaringan diplomatik dan membuka ruang kerjasama baharu yang strategik.

ASEAN kini berada pada landasan yang kukuh melalui pelancaran Visi Komuniti ASEAN 2045 malah melalui inisiatif seperti Sidang Kemuncak ASEAN-GCC dan ASEAN-GCC-China, ASEAN akan menjadi kuasa ekonomi dan geopolitik yang lebih berdaya saing di persada antarabangsa.

Selain membawa pulang dari sudut ekonomi dan diplomasi, sidang ini dapat memperkukuh tekad kolektif negara-negara anggota untuk membina sebuah Komuniti ASEAN yang lebih sejahtera, tangkas dan berdaya tahan demi generasi akan datang. - **Ketua Penyuntingan (ZK)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

NBD, VIET NAM NIKMATI PERKONGSIAN KOMPREHENSIF BERKEKALAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh yang berlangsung di Pusat Persidangan Kuala Lumpur, pagi tadi.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

KUALA LUMPUR, Selasa, 27 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh yang berlangsung di Pusat Persidangan Kuala Lumpur, pagi tadi.

Semasa Majlis Perjumpaan Dua Hala ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah merakamkan ucapan takziah di atas pemergian mendiang Presiden Tran Duc Luong, dan mengimbau kembali interaksi dengannya terutama semasa Lawatan Negara mendiang ke Negara Brunei Darussalam (NBD) pada tahun 2001.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menzahirkan penghargaan atas jemputan untuk melawat Viet Nam dan berharap untuk mengadakan lawatan tersebut pada tarikh yang sesuai.

Kedua-dua negara, titah baginda, menikmati perkongsian komprehensif yang berkekalan dalam bidang perdagangan, tenaga dan pertukaran antara rakyat, dan mencadangkan agar kedua-dua pihak mewujudkan sasaran yang bermakna untuk pembangunan selanjutnya dalam bidang kerjasama yang strategik, berpandukan Pelan Tindakan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengalu-alukan minat Viet Nam untuk memperkembangkan perkongsian tenaga, termasuk melalui usaha sama dan pembekalan minyak mentah, dan seterusnya baginda bertitah

bahawa terdapat banyak juga peluang untuk memperdalam lagi hubungan ekonomi dalam bidang pertanian, akuakultur dan industri halal.

Kerjasama keselamatan rantaian makanan dan bekalan ini akan memberi manfaat kepada kedua-dua rakyat dan negara, memandangkan ketidaktentuan geopolitik dan geo-ekonomi semasa, dan baginda menzahirkan minat untuk memanfaatkan kepakaran dan amalan terbaik Viet Nam bagi meningkatkan usaha-usaha NBD dalam menangani keselamatan makanan.

Dalam mengakhiri titah, baginda menyatakan bahawa pertukaran antara rakyat dalam di bawah bidang pendidikan dan pertahanan telah mendekatkan rakyat kedua-dua buah negara, dan menjalinkan persahabatan dan persefahaman yang lebih baik.

Hubungan diplomatik di antara NBD dan Republik Sosialis Viet Nam mula terjalin pada 29 Februari 1992, di mana kedua-dua buah negara bekerjasama secara meluas dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, perdagangan, tenaga dan pendidikan.

Menggalakkan pembangunan mampan, pertumbuhan inklusif BIMP-EAGA

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Sidang Kemuncak Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam - Indonesia - Malaysia - Philippines (BIMP-EAGA) Ke-16.

KUALA LUMPUR, Selasa, 27 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berangkat ke Sidang Kemuncak Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam - Indonesia - Malaysia - Philippines (BIMP-EAGA) Ke-16, yang telah diadakan di Pusat Persidangan Kuala Lumpur.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Sidang Kemuncak BIMP-EAGA Ke-16, di mana baginda menyatakan bahawa, selama lebih tiga dekad, BIMP-EAGA telah mencapai kemajuan yang ketara dalam mempercepatkan perdagangan,



pelaburan dan pelancongan di sub-wilayah itu.

Setelah Visi BIMP-EAGA 2025 mencapai kesimpulannya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia lagi, adalah penting bagi BIMP-EAGA untuk menilai semula pencapaian mereka bagi memastikan sub-wilayah yang lebih progresif dan makmur serta usahanya sejajar dan melengkapi ASEAN Community

Vision 2045.

Dalam titah, baginda mengalu-alukan Visi BIMP-EAGA 2035 yang akan membimbing kerjasama dalam tempoh 10 tahun akan datang, dan menggalakkan pembangunan mampan dan pertumbuhan inklusif, memupuk integrasi serantau yang lebih mendalam serta kemakmuran bersama.

Pada mengakhiri titah, Kebawah DYMM menyambut baik usaha-usaha untuk menyusun semula, mengembangkan, dan membangunkan Koridor Ekonomi baharu yang akan menarik peluang pelaburan dan merangsang pertumbuhan.

Baginda juga bertitah menekankan kepentingan dalam memastikan semua ahli

mendapat manfaat yang sama daripada peluang-peluang ini, dan tiada sesiapa yang ketinggalan.

Kebawah DYMM turut bertitah menekankan bahawa pengukuhan mekanisme institusi BIMP-EAGA adalah penting, termasuk penubuhan sekretariat penuh untuk memudahkan kerjasama yang lebih fokus dan selaras.

Mengukuhkan kerjasama transformasi digital, pembangunan sumber manusia

>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah menggalakkan pegawai-pegawai untuk mengawasi pelaksanaan Rangka Kerja Kerjasama ASEAN-GCC dan mengalu-alukan kerjasama dalam

perubahan iklim dan ekonomi digital, mengakui bahawa kepimpinan GCC dalam tenaga boleh diperbaharui menawarkan peluang-peluang berharga bagi ASEAN untuk mencipta sistem tenaga mampan.

Baginda juga bertitah mengalu-alukan sokongan GCC untuk Pusat Perubahan Iklim

ASEAN dan menyatakan pandangan bahawa terdapat merit untuk ASEAN dan GCC untuk mengukuhkan kerjasama dalam transformasi digital dan pembangunan sumber manusia.

Kebawah DYMM dalam titah juga menekankan keperluan untuk keamanan dan kestabilan

dalam isu-isu geopolitik kritikal ke arah memperjuangkan masa depan yang mampan.

Sehubungan itu, baginda memuji usaha berterusan negara-negara GCC untuk memudahkan dialog antara Rusia dan Ukraine dan sokongan mereka terhadap Palestin.

Baginda seterusnya bertitah

menekankan kepentingan untuk terus menegakkan perintah antarabangsa berasaskan peraturan, mematuhi resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan penemuan Mahkamah Keadilan Antarabangsa, yang kesemuanya menyumbang kepada dunia yang lebih aman.

MEMPERDALAMKAN HUBUNGAN PERDAGANGAN, PERLUASKAN AKSES PASARAN



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

KUALA LUMPUR, Isnin, 26 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat bagi menghadiri Majlis Perjumpaan bersama His Highness Sheikh Sabah Al-Khaled Al-Hamad Al-Sabah, the

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menghadiri Majlis Perjumpaan bersama His Highness Sheikh Sabah Al-Khaled Al-Hamad Al-Sabah, the Crown Prince of the State of Kuwait, bertempat di Pusat Persidangan Kuala Lumpur.

Crown Prince of the State of Kuwait, bertempat di Pusat Persidangan Kuala Lumpur.

Semasa Majlis Perjumpaan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia merakamkan ucapan tahniah kepada His Highness Sheikh Sabah atas pelantikannya sebagai the Crown Prince of the State of Kuwait pada tahun 2024.

Baginda berbesar hati kerana Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kuwait sedang meraikan Ulang Tahun Hubungan Diplomatik Ke-35 pada tahun 2025 dan bahawa selama ini, kedua-dua buah negara terus menikmati kerjasama yang baik dalam bidang-bidang pendidikan, pertahanan dan pertukaran antara rakyat.

Baginda bertitah bahawa, di tengah-tengah ketidakpastian geopolitik dan geo-ekonomi, Brunei berminat untuk

memperdalam hubungan perdagangan dengan meluaskan akses pasaran di Kuwait dan seterusnya memajukan akses di rantau tersebut.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan His Highness juga membincangkan perkara-perkara yang mempunyai kepentingan bersama seperti kerjasama pelaburan untuk menyokong usaha-usaha untuk mempelbagaikan ekonomi NBD, dan memperkukuh kerjasama sedia ada dalam pertukaran antara rakyat serta pendidikan, untuk memupuk persahabatan dan persefahaman yang lebih erat antara kedua-dua buah negara.

His Highness Sheikh Sabah Al-Khaled Al-Hamad Al-Sabah telah dilantik sebagai the Crown Prince of the State of Kuwait pada 1 Jun 2024.

NBD dan the State of Kuwait menjalin hubungan dua hala sejak 1 Mei 1990 yang meliputi berbagai kerjasama seperti di bidang perdagangan, ekonomi, kebudayaan, perhubungan, kesihatan, pendidikan, pelancongan dan sukan.



Berangkat ke Majlis Santap Malam Gala



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Ihsan Bernama, Jabatan Penerangan Malaysia

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam Gala bagi meraikan kehadiran Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN serta Republik Demokratik Timor-Leste, para pemimpin dan tetamu-tetamu khas yang menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 serta Sidang-sidang Kemuncak Berkaitan (kiri). Manakala gambar kanan, antara Persembahan Kebudayaan yang dipersembahkan pada Malam Gala berkenaan.

KUALA LUMPUR, Selasa, 27 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam Gala bagi meraikan kehadiran Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN serta Republik Demokratik Timor-Leste, para pemimpin dan tetamu-tetamu khas yang menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 serta

Sidang - sidang Kemuncak Berkaitan, malam tadi.

Majlis Santap Malam Gala tersebut telah yang dihoskan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

Keberangkatan tiba Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Pusat Persidangan Kuala Lumpur dialu-alukan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat

Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, selaku Pengerusi ASEAN pada tahun 2025 dan isteri, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

Persembahan Kebudayaan yang pelbagai turut menyerikan lagi Majlis Santap Malam Gala tersebut.





BERANGKAT KE MAJLIS PENANDATANGANAN KUALA LUMPUR DECLARATION ON ASEAN



KUALA LUMPUR, Isnin, 26 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddin Waddien, Sa'adul Khairi Darussalam hari ini berkenan berangkat bersama para Pemimpin ASEAN dan Republik

Demokratik Timor-Leste bagi menghadiri Majlis Penandatanganan 'Kuala Lumpur Declaration on ASEAN 2045 : Our Shared Future'.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama para Pemimpin ASEAN dan Republik Demokratik Timor-Leste pada Majlis Penandatanganan 'Kuala Lumpur Declaration on ASEAN 2045 : Our Shared Future'.

Majlis berlangsung di Pusat Persidangan Kuala Lumpur.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, selaku Pengerusi ASEAN pada 2025.

Ini diikuti dengan penandatanganan 'Kuala Lumpur Declaration on ASEAN 2045 : Our Shared Future' oleh para Pemimpin ASEAN dan Republik Demokratik Timor-Leste.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama para Pemimpin ASEAN dan Republik Demokratik Timor-Leste bagi menghadiri Majlis Penandatanganan tersebut.



Penyertaan aktif belia mewujudkan asas kukuh Komuniti ASEAN

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



KUALA LUMPUR, Isnin, 26 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan berangkat ke Pusat Persidangan Kuala Lumpur bagi menghadiri ASEAN Leaders' Interface bersama wakil-wakil belia ASEAN.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Pusat Persidangan Kuala Lumpur bagi menghadiri ASEAN Leaders' Interface bersama wakil-wakil belia ASEAN.

bersama wakil-wakil belia ASEAN.

Semasa ASEAN Leaders' Interface bersama wakil-wakil belia ASEAN, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa *interface* dengan belia adalah acara tahunan penting yang menunjukkan komitmen ASEAN untuk mewujudkan platform berharga untuk berdialog dengan belia, dan memudahkan perbincangan penting mengenai isu-isu serantau yang mendesak yang akan diwarisi oleh belia sebagai pemimpin masa depan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah bahawa penyertaan aktif belia dalam proses serantau bukan sahaja bermanfaat tetapi juga penting untuk mewujudkan asas kukuh

bagi Komuniti ASEAN yang berdaya tahan dan inklusif untuk generasi akan datang.

Baginda memuji inisiatif termasuk Forum Ekonomi Belia ASEAN dan Persidangan Model Belia ASEAN yang sejajar dengan tema ASEAN 2025 yang memfokuskan kepada kemampanan dan keterangkuman.

Pada mengakhiri titah, Kebawah DYMM menekankan kepentingan idea dan perspektif belia ke arah memajukan Visi Komuniti ASEAN 2045 kerana belia bukan sahaja penerima manfaat tetapi pemegang kepentingan utama dalam membentuk dasar.

Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Awang Muhammad Irham bin Roslan dan Dayang Nur Amalina Munyati binti Ismail.

MAJUKAN TINDAKAN IKLIM SERANTAU, SOKONG MATLAMAT KEMAMPAHAN ASEAN

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

KUALA LUMPUR, Isnin, 26 Mei.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pagi tadi berangkat ke Pusat Persidangan Kuala Lumpur bagi menghadiri Sesi Plenari dan Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN ke-46.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, selaku Pengerusi ASEAN pada tahun 2025.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berangkat bersama para Pemimpin ASEAN dan Republik Demokratik Timor-Leste bagi menghadiri Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN ke-46.

Pada Sesi Plenari ini, Kebawah DYMM berkenan mengumukan titah yang menekankan bahawa sepanjang dekad yang lalu, usaha pembinaan Komuniti ASEAN telah memajukan integrasi serantau dengan ketara dan mewujudkan asas yang kukuh untuk keamanan dan kemakmuran.

Untuk mengekalkan momentum ini, baginda menekankan bidang-bidang utama untuk meningkatkan daya tahan rantau ini terhadap cabaran yang muncul.

Antara lain, perdagangan intra-ASEAN yang kekal di bawah paras pra-pandemik akibat ketidakpastian ekonomi global yang berterusan dan gangguan perdagangan, mesti diperkukuh, titah baginda lagi.

Sehubungan itu, Kebawah DYMM mengalu-alukan keputusan Malaysia untuk mengutamakan bidang ini semasa menjadi Pengerusi ASEAN, dan seterusnya mengalu-alukan kesimpulan dalam rundingan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN.

Di samping itu, baginda menzahirkan harapan kepada pemuktamadan awal Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital ASEAN. Ini adalah langkah-langkah penting untuk merealisasikan potensi pasaran penuh ASEAN ke arah menjadi ekonomi yang teguh dan terhubung secara digital.

Kebawah DYMM juga menekankan perlunya tindak balas serantau yang lebih kukuh dalam menangani bencana alam dan kesan perubahan iklim.

Bagi tujuan ini, baginda menekankan kepentingan melaksanakan ASEAN SHIELD sepenuhnya untuk mengukuhkan penyelarasan antara pelbagai mekanisme ASEAN, dan menggesa negara anggota ASEAN untuk meratifikasi perjanjian bagi Pusat Perubahan Iklim ASEAN pada peluang terawal dalam memajukan tindakan iklim serantau dan menyokong

matlamat daya tahan dan kemampuhan ASEAN.

Baginda mengiktiraf bahawa usaha membina Komuniti ASEAN kekal berterusan, dengan setiap pencapaian penting menandakan pertumbuhan dan pembangunan yang ketara dalam ketiga-tiga tonggak.

Dalam kemajuan selepas tahun 2025, baginda mengetengahkan bahawa melengkapkan keluarga Asia Tenggara adalah penting untuk memperdalam integrasi serantau, dan menekankan bahawa penyertaan Timor-Leste sebagai anggota terbaru ASEAN akan menjadi langkah bermakna ke arah rantau yang lebih bersatu dan bersepadu.

Pada mengakhiri titah, baginda menzahirkan sokongan untuk meluluskan ASEAN Community Vision 2045, kerana ia mencerminkan matlamat kolektif untuk mencapai ASEAN centrality yang lebih besar sebagai rantau yang inovatif, adaptif dan memberikan tumpuan kepada rakyat dalam dua dekad akan datang.

Selepas Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46, Kebawah DYMM berangkat menghadiri Sesi Retreat bersama para Pemimpin ASEAN dan Republik Demokratik Timor-Leste.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menghadiri Sesi Plenari dan Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN ke-46 (kanan dan bawah).



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Pusat Persidangan Kuala Lumpur bagi menghadiri Sesi Plenari dan Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN ke-46 dijunjung oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, selaku Pengerusi ASEAN pada tahun 2025.



MINGGU MASAKAN TURKIYE KETENGAHKAN SAJIAN ISTIMEWA TURKIYE

Siaran Akhbar dan Foto :
Kedutaan Republik Turkiye di Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Mei. – Acara Minggu Masakan Turkiye telah diadakan di Kediaman Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir ialah Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri

Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Pada acara tersebut, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke NBD, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy telah menghoskan Makan Malam bersempena Minggu Masakan Turkiye yang diadakan sejak tahun 2022 pada setiap minggu terakhir bulan Mei.

Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke NBD dalam ucapan

alu-aluannya mengongsikan bahawa pihak kedutaan bersama kedutaan-kedutaan Republik Turkiye seluruh dunia untuk menonjolkan dan mengongsikan sajian Turkiye yang klasik dan resipi turun-temurunnya.

Sejurus ketibaan para tetamu, Madam Lale Ersoy membuat demonstrasi ringkas seni *marbling* air Turkiye, dikenali sebagai 'Ebru'.

Makan malam tersebut menyajikan empat juadah yang disediakan oleh Cef Eksekutif Kedutaan, Adem Can dan menyajikan sajian klasik dan istimewa Turkiye yang terkenal seluruh dunia.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Acara Minggu Masakan Turkiye. Turut hadir, Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.

HALUAN

>> Muka 2

Untuk memastikan kesiapsiagaan operasi sentiasa berada di tahap yang optima, JBP, insyaaAllah bermula Oktober ini akan menerima 10 buah jentera jenis Water Tender Ladder (WRL) dari 30 buah Jentera melalui kontrak pajakan sewa selama 20 tahun bersama syarikat tempatan. Selain itu, empat buah Light Fire Attack Vehicle (LFAV) juga akan dibekalkan menjelang tahun 2026 di mana projek ini adalah di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12. Perolehan-perolehan ini adalah sangat signifikan dalam mempertingkatkan keupayaan JBP untuk bertindak pantas, khususnya di kawasan yang mencabar daripada segi akses.

Peramba, saya juga menghargai komitmen JBP dalam melaksanakan secara berperingkat pembaikan dan penggantian ke atas lebih kurang 700 pili bomba di seluruh negara. Pada tahun 2024, sebanyak 350 pili bomba telah dibuat pembaikan dan penggantian dan insyaaAllah, pada tahun ini akan dibuat pembaikan dan penggantian lagi ke atas 350 pili bomba yang turut merangkumi kawasan Kampong Ayer. Selain penggantian fizikal, projek ini juga merangkumi pendaftaran dan pendigitalan maklumat semua pili bomba melalui sistem *tagging*, bagi membolehkan lokasi setiap pili dikenal pasti dengan lebih cepat dan tepat. InsyaaAllah, dengan terlaksananya penambahbaikan infrastruktur ini juga, ia diharap akan dapat memastikan kesiapsiagaan dan perancangan operasi kebombaanan yang cepat dan berkesan dalam menangani sebarang insiden kebakaran.

Peramba, saya turut menyambut baik penggunaan teknologi pintar dan kos efektif seperti dron dalam operasi kecemasan. Keupayaan untuk melakukan penstriman langsung (*live streaming*), pencahayaan dari udara dan penghantaran peralatan ringan ke kawasan terpencil adalah sangat penting dalam memastikan operasi lebih selamat dan berkesan. Cadangan memperkenalkan sistem pengesanan anggota melalui Breathing Apparatus Tracking serta penggunaan kamera badan juga adalah langkah progresif dan selaras dengan amalan terbaik antarabangsa.

Di samping keupayaan aset, kekuatan jabatan juga terletak pada tahap kecekapan profesionalisme dan integriti yang tinggi yang ada pada anggotanya. Peramba, saya menyambut baik mengenai pelaksanaan Kerangka Kerja Kompetensi Sumber Manusia (HRCF), JBP yang bertujuan untuk menilai dan membangunkan kemahiran keanggotaan secara sistematik. JBP juga telah memulakan langkah awal dalam membudayakan kemahiran digital di kalangan pegawai dan anggotanya. Inisiatif ini diperkasa dengan penubuhan bilik kelas

komputer khas yang mula beroperasi sejak 22 hari bulan Oktober 2024. Sehingga kini, seramai 357 anggota telah mengikuti berbagai bengkel dan kursus yang dikendalikan sepenuhnya oleh pegawai dari JBP dan ini mencerminkan komitmen dalam meningkatkan keupayaan asas ICT dan sebagainya.

Peramba, saya juga menyambut baik usaha kerjasama antara JBP dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dalam mempertingkatkan latihan jasmani anggota melalui penglibatan anggota daripada Physical Training Instructor (PTI). Inisiatif ini amat penting dalam memastikan tahap kesiapsiagaan, kecergasan fizikal, dan ketahanan mental anggota sentiasa berada pada tahap terbaik selaras dengan keperluan tugas yang mencabar, terutamanya semasa melaksanakan operasi berskala besar dan berpanjangan.

Peramba, saya turut dimaklumkan bahawa JBP sedang merancang untuk melaksanakan dua latihan besar yang akan melibatkan pelbagai agensi iaitu Ekseksais Gerak Sepadu di Kampong Ayer yang dijadualkan pada bulan Jun nanti, dan Ekseksais Permata Hijau di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin pada bulan September. Latihan ini adalah penting bagi menyelaras segala tindakan serta menguji kecekapan operasi dalaman JBP dan kerjasama rentas agensi dalam menghadapi situasi kecemasan sebenar.

Peramba, saya mengalu-alukan usaha JBP ke arah menguji tahap kesiapsiagaan dan, yang lebih penting, keberkesanan koordinasi antara agensi dalam melaksanakan operasi kecemasan, sebelum dan selepas sesuatu insiden berlaku. Latihan seperti ini amat penting kerana ia melibatkan pelbagai agensi dan sekali gus membolehkan pelaksanaan respons yang lebih tersusun, seragam dan berkesan. Sehubungan itu, peramba, saya amat yakin bahawa kerjasama yang sedia terjalin antara agensi-agensi, khususnya agensi-agensi kebombaanan, sama ada daripada sektor kerajaan mahupun swasta, akan terus memperkukuh keupayaan tindak balas dan koordinasi bantuan kecemasan negara. Antara agensi yang dimaksudkan termasuk Markas Khidmat Bomba dan Keselamatan Tentera Darat Diraja Brunei, ABDB; Bomba Shell Petroleum Company Sendirian Berhad; Bomba Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei; Jabatan Penerbangan Awam; serta Bomba Hengyi Industries Sdn. Bhd. Inisiatif ini adalah sejajar dengan pendekatan Whole of Nation, yang menekankan sinergi semua pihak dalam mendukung keselamatan awam negara. Ucapan terima kasih kepada semua agensi kebombaanan yang berkenaan atas sokongan dan sumbangan dalam membantu menangani sebarang insiden bencana di negara ini.

Kerjasama serantau juga turut

diperkukuhkan melalui latihan bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, iaitu sebagai lanjutan kepada Table-Top Exercise yang telah berjaya dilaksanakan pada Januari 2024 yang lalu. Seiring dengan Memorandum Persefahaman di antara Agensi Pengurusan Bencana Negara Malaysia (NADMA) dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), perbincangan antara kedua-dua agensi masih giat dijalankan, khususnya dalam memantapkan lagi prosedur operasi standard bagi penggerakan bantuan kecemasan merentas sempadan. Ini termasuk perancangan bagi melaksanakan latihan bersama di peringkat Command Post Exercise (CPX) dan Field Training Exercise (FTX) yang dijadualkan dalam tahun 2025 ini.

Hakikatnya, keperluan terhadap perkhidmatan JBP adalah semakin meningkat dan semakin mencabar. Perangkaan menunjukkan peningkatan 11.5 peratus berkenaan dengan panggilan kecemasan pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya iaitu melebihi 6,000 panggilan, dengan sebahagian besarnya melibatkan operasi menyelamat. Pada suku pertama tahun 2025 sahaja, 1,222 panggilan telah direkodkan dan ini mencerminkan betapa pentingnya peranan JBP dalam membantu masyarakat menangani pelbagai jenis kecemasan dan bantuan.

Dalam aspek pencegahan pula, jumlah Pemeriksaan Keselamatan Kebakaran telah menunjukkan peningkatan daripada segi kadar pematuan iaitu sebanyak 11 peratus dari tahun 2021 hingga 2024. Sepanjang tempoh tersebut, lebih 3,500 buah bangunan telah diperiksa, melibatkan sektor awam dan swasta. Pada tahun 2024 sahaja, sebanyak 307 daripada 338 bangunan telah diperakui selamat. Dengan penguatkuasaan berterusan di bawah Fire Safety Act dan pelaksanaan garis panduan yang kukuh, JBP telah berjaya meningkatkan tahap kesedaran dan tanggungjawab pemilik bangunan terhadap keselamatan kebakaran. Di samping itu, pencapaian kadar masa tindak balas Bahagian Operasi sejak tahun 2021 adalah sebanyak 83 peratus dan ini menunjukkan tahap kecekapan dan profesionalisme yang tinggi di kalangan anggotanya.

Dalam aspek kesedaran masyarakat, peramba, saya menyambut baik kerjasama JBP dengan Radio Televisyen Brunei dalam penerbitan rancangan 'Wira Bomba 995' yang akan disiarkan pada bulan Julai ini. Rancangan ini, yang mengandungi 13 episod, bukan sahaja memperkenalkan masyarakat kepada dunia kebombaanan, tetapi juga untuk menyampaikan mesej pentingnya menjaga keselamatan nyawa dan harta benda.

Selain pendekatan melalui media

penyiaran, usaha memperluas kesedaran keselamatan turut diteruskan di peringkat komuniti akar umbi. Antara inisiatif penting adalah program kesedaran yang dirancang untuk mempersiapkan masyarakat kampung sebagai *first responder* dalam menghadapi sebarang insiden kebakaran. Melalui program ini, peralatan pemadam api telah disediakan dan ditempatkan di bawah jagaan Ketua-ketua Kampung dan Penghulu-penghulu Mukim, bagi membolehkan tindakan awal dapat diambil dengan lebih pantas dan berkesan. Penduduk kampung serta pemimpin akar umbi turut diberikan latihan melalui Kursus Lifesaver 995, meliputi pengetahuan asas kecemasan serta kemahiran memadam kebakaran, termasuk penggunaan peralatan pemadaman. Sepanjang tahun 2024 sahaja, sebanyak 50 sesi program keselamatan kebakaran telah berjaya dilaksanakan dengan melibatkan 35 buah kampung di seluruh negara. Sebanyak 15 kampung juga telah menerima sijil penghargaan serta sumbangan peralatan pemadam kebakaran seperti hos, *nozzle*, dan *key & bar* sebagai pengiktirafan.

Di dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan anggota jabatan terus terpelihara, peramba, saya turut menyambut baik langkah JBP menandatangani kontrak penyambungan insurans bersama Takaful Brunei Sdn. Bhd. bagi tempoh tiga tahun lagi. Pelan perlindungan yang diperbaharui ini merangkumi manfaat yang lebih komprehensif, termasuk perlindungan terhadap kecederaan dan kematian, sejajar dengan risiko kerja yang tinggi dalam profesion kebombaanan.

Bersempena dengan Ulang Tahun Penubuhan JBP yang Ke-65 Tahun, marilah kita sama-sama merafakkan doa agar seluruh pegawai dan anggota JBP akan terus diberi kekuatan, kesihatan dan petunjuk dalam melaksanakan amanah yang dipikul demi keselamatan dan kesejahteraan NBD. Usaha untuk meletakkan JBP di aras kecemerlangan memerlukan komitmen menyeluruh daripada setiap anggota, dengan semangat persefahaman dan kesetiaan yang kukuh sebagai satu pasukan. Sikap profesionalisme, ketabahan, integriti dan disiplin yang tinggi perlu sentiasa diterapkan agar jabatan ini akan terus unggul sebagai barisan hadapan yang diyakini rakyat dan negara.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, peramba, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga JBP atas jasa bakti yang dicurahkan tanpa mengenal penat lelah. Semoga JBP akan terus maju jaya dan sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Sekian. *Wabillahi Taufik Walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

MMN TERIMA KUNJUNGAN HORMAT KETUA-KETUA PERWAKILAN ASING

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 Mei. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib hari ini menerima kunjungan hormat daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam (NBD), iaitu

Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke NBD, Tuan Yang Terutama Janbaz Khan dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke NBD, Puan Yang Terutama Naureen Ahsan.

Majlis diadakan secara berasingan di Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Semasa kunjungan hormat bersama TYT Janbaz Khan,

Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa menerima kunjungan hormat daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam (NBD), iaitu Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke NBD, Tuan Yang Terutama Janbaz Khan dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke NBD, Puan Yang Terutama Naureen Ahsan (kiri dan kanan).

kedua-dua pihak menzahirkan rasa puas hati terhadap hubungan baik antara kedua-dua buah negara dan berharap hubungan dua hala akan terus dapat diperkukuh melalui kerjasama dalam pelbagai bidang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN turut merakamkan ucapan penghargaan atas sumbangan warganegara Republik Islam Pakistan yang berkhidmat dalam pelbagai bidang profesional di negara ini.

Perbincangan juga menyentuh mengenai isu-isu yang menjadi keprihatinan dan kepentingan bersama termasuk dalam bidang pelaburan, teknologi maklumat, keterjaminan makanan, farmaseutikal dan perubatan.



Sementara itu, semasa kunjungan hormat bersama PYT Naureen Ahsan pula, kedua-dua pihak mengesahkan semula hubungan baik yang sedia ada antara kedua-dua buah negara.

Kedua-dua pihak juga membincangkan peluang-peluang untuk mengukuhkan lagi kerjasama dua hala termasuk dalam bidang penyelidikan pertanian, ketersambungan udara

serta memperkukuh hubungan rakyat dengan rakyat melalui pertukaran-pertukaran lawatan.

Turut hadir semasa kunjungan-kunjungan hormat berkenaan ialah Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Dr. Dayang Hajah Huraeni binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

Hari Raya Aidiladha bagi 1446H pada 7 Jun

>> Muka 1

Hasil merukyah awal bulan Zulhijah 1446H pada petang tadi telah diumumkan secara langsung oleh Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri.

Sehubungan dengan itu, NBD akan menyambut Hari Raya Aidiladha bagi 1446H pada Sabtu, 7 Jun 2025 Masihi.

Oleh yang demikian, Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha akan bermula pada jam 7.30 pagi.

Umat Islam adalah disunatkan untuk menunaikan Sembahyang Hari Raya Aidiladha pada hari berkenaan serta bertakbir dan melakukan ibadah korban sehingga Hari-hari Tasyrik berikutnya.

Pemakluman berkenaan adalah hasil persidangan mengenai hasil merukyah anak bulan Zulhijah 1446H pada tahun ini dari tempat-tempat yang ditentukan.

Persidangan yang diadakan di

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam semasa berucap pada mengenai hasil merukyah anak bulan Zulhijah 1446 Hijrah. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie.

Bilik As'syura, Tingkat 1, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) juga dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; Timbalan Menteri Hal



Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB); Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin, serta Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan MUIB.

Turut hadir, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; dan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Pada tahun ini, Hakim-hakim Syarie dan pegawai-pegawai Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, JPM bersama pegawai-pegawai dari KHEU, pegawai-pegawai dari

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin

Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan; dan pegawai-pegawai dari Jabatan Mufti Kerajaan, JPM berada di lima buah lokasi yang ditetapkan untuk merukyah anak bulan Zulhijah 1446H, iaitu Daerah Brunei dan Muara di Bangunan Mutiara Exchange, Lebuhraya Tungku; Taman Rekreasi Tanjung Batu, Kampung Sabun, Pekan Muara; dan Bukit Agok, Jerudong.

Manakala bagi Daerah Tutong bertempat di Bangunan Hilal Bukit Ambog; dan bagi Daerah Belait ialah di Bangunan Hilal Bukit Lumut.

Terdahulu, acara keagamaan telah diadakan bagi menunggu hasil merukyah 1 Zulhijah 1446H bertempat di Dewan Multaqa, Aras Bawah, Bangunan Tambahan, KHEU.

Acara dimulakan dengan

bacaan Al-Quran oleh pelajar Tahun 9 Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Awang Afiq Jazimin bin Haji Matassim, disusuli dengan tazkirah yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, KHEU, Awang Ahmad Muzafar bin Haji Marsidi.

Acara diteruskan dengan bacaan Tahlil, Doa Arwah dan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan NBD oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Muhammad Amin bin Haji Salim, yang kemudiannya mengimamkan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Manakala Azan Maghrib dikumandangkan oleh Bilal Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, Awang Razman bin Haji Ramlee.



ANTARA lokasi yang ditetapkan untuk merukyah anak bulan Zulhijah 1446H.

SESI DIALOG KONGSI PENGALAMAN PENGAJIAN PERUBATAN, KESIHATAN



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

UNITED KINGDOM, Isnin, 26 Mei. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar serta rombongan telah berkesempatan untuk menghadiri Sesi Perjumpaan Ramah Mesra dan Dialog bersama penuntut-penuntut bidang perubatan, pergigian, kejururawatan, farmasi dan Profesional Kesihatan Bersekutu (Allied Health Professional) serta doktor-doktor yang mengikuti latihan kepakaran di United

Kingdom dan Ireland, baru-baru ini.

Sesi tersebut yang diadakan secara hibrid (fizikal dan *online*) telah diadakan di hotel Marriott, kota Glasgow dan telah diungkuayahkan bersama oleh Kementerian Kesihatan, Unit Penuntut-Penuntut (Brunei Student Unit) dan Brunei Medical Student Association.

Sesi tersebut bertujuan untuk memberikan pendedahan mengenai keperluan-keperluan sistem penjagaan kesihatan di

Negara Brunei Darussalam (NBD) serta memberikan peluang untuk berkongsi pengalaman dalam pengajian perubatan dan kesihatan.

Semasa sesi tersebut, taklimat telah disampaikan oleh rombongan Kementerian Kesihatan dan diikuti dengan sesi soal jawab bersama Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Taklimat telah mengongsikan maklumat-maklumat mengenai kerjaya kedokteran dan pergigian termasuk jumlah graduan-graduan yang melaporkan diri ke Kementerian Kesihatan

YANG Berhormat Menteri Kesihatan menghadiri Sesi Perjumpaan Ramah Mesra dan Dialog bersama penuntut-penuntut.

setiap tahun, bidang-bidang perkhidmatan klinikal (*clinical specialty services*) yang ditawarkan di Kementerian Kesihatan, hala tuju kerjaya dalam bidang kedokteran, latihan-latihan yang ditawarkan di NBD termasuk Basic Specialty Training / Core Training, bidang-bidang kepakaran yang diperlukan, peluang-peluang dan tatacara proses meneruskan pengajian ke peringkat seterusnya.

Semasa sesi dialog tersebut, Yang Berhormat Menteri Kesihatan antara lain telah menekankan pentingnya bagi para profesional kesihatan serta penuntut-penuntut yang menjalani latihan untuk sentiasa berhubung dengan pihak yang berkenaan termasuk Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan.

Komunikasi ini penting bagi memudahkan pemantauan, pengawalseliaan dan perancangan latihan, di samping membuka ruang untuk mendapatkan nasihat dan panduan mengenai hala tuju dan kepakaran yang diperlukan.

Dalam pada itu, Yang Berhormat

Menteri Kesihatan juga menekankan bahawa penuntut-penuntut dan pelatih profesional kesihatan adalah aset negara dan berharap agar mereka akan kembali berkhidmat kepada negara dan bangsa setelah selesai menjalani pembelajaran dan latihan untuk menyumbangkan khidmat bakti ke arah perkhidmatan yang lebih berkualiti dan efisien demi meningkatkan tahap kesihatan dan sekali gus kesejahteraan rakyat dan penduduk serta masyarakat di NBD.

Turut hadir pada sesi tersebut ialah Pesuruhjaya Tinggi NBD ke United Kingdom, Tuan Yang Terutama Laksamana Pertama (B) Pengiran Dato Seri Pahlawan Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad; Pengarah Pengajian Unit Penuntut - Penuntut, Mohammad Danny bin Aimi serta beberapa pegawai kanan dari rombongan Kementerian Kesihatan dan Unit Penuntut-Penuntut di London.

Sesi ini mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Kesihatan dalam membina hubungan erat bersama generasi profesional kesihatan Brunei di luar negara, sebagai pelaburan penting bagi masa depan sistem penjagaan kesihatan negara.

Memperkukuh usaha integrasi ekonomi ASEAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menghadiri The 25th ASEAN Economic Community Council Meeting (25th AECC) yang telah diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia pada 25 Mei 2025 (atas dan bawah kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

KUALA LUMPUR, Selasa, 27 Mei. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah telah menghadiri The 25th ASEAN Economic Community Council Meeting (25th AECC) yang telah diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia pada 25 Mei 2025.

Mesyyuarat AECC Ke-25 tersebut telah dipengerusikan oleh Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Utama Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz dan turut dihadiri oleh Menteri-menteri AECC daripada 10 Negara Anggota ASEAN serta Timor-Leste.

Dalam mesyyuarat tersebut, para Menteri mengambil maklum akan perkembangan kerja di bawah tonggak ASEAN Economic Community (AEC), termasuk perbincangan mengenai tinjauan ekonomi ASEAN.

Antara perkara yang dibincangkan, para menteri mengambil maklum kemajuan Keutamaan Ekonomi Utama Malaysia (Priority Economic Deliverables - PED), khususnya dalam menyambut kejayaan penyelesaian rundingan taraf ASEAN Trade in Goods Agreement (ATIGA) dan ASEAN-China Free Trade Area (ACFTA).

Di tengah-tengah ketegangan perdagangan dan ketidaktentuan global yang berterusan, AECC menegaskan semula sokongan terhadap usaha mempertahankan sistem perdagangan pelbagai hala berasaskan peraturan, dengan the World Trade Organisation (WTO) sebagai terasnya.

Sehubungan itu, Menteri-menteri AECC mengulangi komitmen untuk tidak melaksanakan sebarang tindakan balas terhadap tarif unilateral oleh Amerika Syarikat dan bersetuju untuk meneruskan dialog serta

kerjasama konstruktif demi memastikan hubungan perdagangan yang seimbang dan mampan.

Para menteri turut menekankan kepentingan the ASEAN Geoeconomic Taskforce (AGTF) dalam menyediakan pandangan strategik dan cadangan penting bagi membantu ASEAN menangani cabaran geo-ekonomi semasa dan masa hadapan.

Selain itu, Menteri-menteri AECC juga mengambil maklum tentang the Special ASEAN Economic Ministers Meeting with Dialogue Partners, iaitu Republik Rakyat China, Jepun, Australia dan New Zealand (CER) yang telah diadakan pada 20 Mei 2025.

Dalam mesyyuarat tersebut, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew antara lain memuji kemajuan berterusan AEC, khususnya dengan pengendorsan the AEC Strategic Plan 2026-2030 dan pelaksanaan the Bandar Seri Begawan Roadmap for Digital

Transformation (BSBR).

Yang Berhormat juga mengalu-alukan kejayaan rundingan naik taraf ATIGA dan ACFTA, yang dijangka memainkan peranan penting dalam memperkukuh usaha integrasi ekonomi ASEAN.

Mesyyuarat AECC Ke-25 telah didahului oleh the Preparatory Meeting of the Senior Economic

Officials (Prep-SEOM) yang berlangsung pada 24 Mei 2025.

Mesyyuarat tersebut turut dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri) Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin bersama pegawai-pegawai dari Bahagian Perdagangan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.



Imam Terlebih Atau Terkurang Rakaat Dalam Sembahyang

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MENGIKUT perbuatan imam dalam sembahyang berjemaah hukumnya adalah wajib berdasarkan hadits daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: Sesungguhnya imam itu dijadikan untuk diikuti, maka janganlah kamu menyalahinya (perbuatannya). Maka apabila (imam) ruku', ruku'lah kamu.

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Jika makmum menyalahi perbuatan imam sama ada mendahului imam atau melambat-lambatkan daripada mengikut imam dengan dua rukun *fi'li* dengan sengaja, maka batal sembahyang makmum melainkan jika dia berniat *mufaraqah* daripada imam.

Timbul persoalan bagaimana pula jika imam terlebih rakaat sembahyang atau imam terkurang rakaat sembahyang, adakah makmum dituntut mengikut perbuatannya? Maka Irsyad Hukum pada kali ini akan memberi penjelasan mengenainya.

Apabila imam terlebih rakaat sembahyang seperti imam berdiri selepas sujud kedua rakaat keempat sembahyang Zohor dan meninggalkan duduk tahiyat akhir dengan sangkaan masih dalam rakaat ketiga, ataupun imam terkurang rakaat sembahyang seperti imam terus duduk

tahiyat akhir selepas sujud kedua rakaat ketiga sembahyang Zohor dengan sangkaan sudah berada pada rakaat keempat, maka makmum yang mengetahui akan kejadian tersebut sunat ke atasnya mengingatkan imam mengenai kesilapannya itu. Cara makmum lelaki mengingatkan imam mengenai kesilapan imam ialah dengan ucapan tasbeih iaitu mengucapkan *Subhanallah*, sama ada dengan niat dzikir semata-mata atau dengan niat dzikir dan juga untuk mengingatkan imam. Bagi makmum perempuan atau *khunsa* pula ialah dengan cara *tashfiq*. Cara yang lebih utama (*awla*) melakukannya ialah menepuk belakang tapak tangan kiri dengan tapak tangan kanan atau dengan belakang tapak tangan kanan. Menepuk dengan tapak tangan lebih utama dari menepuk dengan belakang tapak tangan.

Apabila imam tetap meneruskan sembahyangnya dengan terlebih rakaat, maka dalam hal ini makmum yang tahu akan kesilapan imam tersebut boleh melakukan salah satu perkara berikut:

1. Makmum duduk tahiyat akhir dan berniat *mufaraqah* daripada imam serta menyempurnakan sembahyangnya secara sendiri.

2. Makmum duduk tahiyat akhir dan menunggu imam memberi salam.

Dua perkara di atas ada disebut oleh Imam ar-Ramli Rahimahullah dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj:

Ertinya: Dan makmum memilih antara *mufaraqah* daripada imam untuk (membolehkan) makmum memberi salam (dan menyempurnakan sembahyangnya)

sendiri, dan pendapat yang *mu'tamad* (makmum) menunggu imam untuk (membolehkan) makmum (menyempurnakan sembahyangnya mengikut imam dan) memberi salam bersama imam.


Jika makmum memilih untuk menunggu imam, maka apabila imam kembali semula pada duduk tahiyat akhir makmum hendaklah mengikut perbuatan imam dalam sembahyang sehingga imam memberi salam. Demikian juga bagi makmum yang *masbuq*, jika dia memilih untuk menunggu imam, hendaklah dia menunggu imam pada duduk tahiyat akhir dan setelah imam duduk tahiyat akhir, dia hendaklah mengikut perbuatan imam sehinggalah imam selesai memberi salam. Setelah imam memberi salam, maka makmum yang *masbuq* bangun untuk menyempurnakan baki rakaat sembahyangnya.

Jika imam tersebut teringat bahawa dia telah menambah rakaat dalam sembahyang disebabkan lalai lalu dia melakukan sujud sahwi sebelum memberi salam, maka makmum yang menunggu imam tersebut hendaklah melakukan sujud sahwi sebagaimana imam. Jika makmum dengan sengaja tidak melakukan sujud sahwi sebagaimana imam, maka sembahyang makmum adalah batal.

Daripada penjelasan di atas, makmum yang tahu bahawa imam menambah bilangan rakaat sembahyang seperti bangun untuk mengerjakan rakaat kelima dalam sembahyang Zohor adalah dilarang mengikut imam bangun ke rakaat kelima kerana makmum tahu perbuatan imam adalah salah, sama ada makmum tersebut adalah *muwafiq* atau *masbuq*. Jika makmum tersebut tetap mengikut imam berkenaan mengerjakan rakaat kelima dan dia tahu bahawa itu adalah rakaat tambahan serta tahu akan keharaman mengikut imam, maka batal sembahyangnya.

Jika makmum tidak tahu (*jahil*) bahawa rakaat yang dikerjakan oleh imam adalah rakaat tambahan lalu dia mengikut imam mengerjakan rakaat kelima itu, maka hukum sembahyang makmum tidak batal. Manakala jika makmum tersebut adalah makmum yang *masbuq*, rakaat tambahan yang dikerjakannya mengikut imam berkenaan adalah dikira daripada bilangan rakaat sembahyangnya.

As-Sayyid al-Bakri Rahimahullah menjelaskan perkara ini ketika mensyarah kitab Fath al-Mu'in karangan Imam



Zainuddin al-Malibari Rahimahullah, katanya:

Ertinya: Maka jika makmum jahil mengenainya (rakaat yang dikerjakan oleh imam adalah rakaat tambahan) dan dia mengikutnya (imam) pada rakaat tersebut, (maka) tidak batal sembahyang makmum, dan jika dia adalah *masbuq* (maka) dikira baginya rakaat berkenaan kerana keuzurannya (*jahil*) dan walaupun ia (rakaat tersebut) tidak dikira bagi imam.

Jika makmum mendapati bahawa sembahyang imam belum sempurna rakaatnya seperti imam yang duduk tahiyat akhir pada rakaat ketiga dalam sembahyang Zohor kerana lalai, maka makmum dilarang mengikut imam duduk tahiyat akhir. Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami Rahimahullah dalam kitabnya al-Fatawa al-Kubra al-Fiqhiyyah, jika imam duduk tahiyat akhir pada rakaat ketiga dalam sembahyang yang jumlahnya empat rakaat dan makmum tahu bahawa perbuatan imam adalah salah, maka makmum dilarang mengikut imam tersebut duduk tahiyat akhir.

Dalam keadaan ini, makmum bangun untuk rakaat keempat dan menunggu imam dalam keadaan berdiri, dan makmum juga disunatkan untuk mengingatkan imam mengenai kesilapan tersebut.

Jika imam tetap duduk tahiyat akhir dan meneruskan sembahyang, maka makmum berniat *mufaraqah* daripada imam dan menyempurnakan sembahyangnya secara sendiri.

Demikian penjelasan mengenai imam terlebih atau terkurang rakaat dalam sembahyang.

MAKMUM yang tahu bahawa imam menambah bilangan rakaat sembahyang seperti bangun untuk mengerjakan rakaat kelima dalam sembahyang Zohor adalah dilarang mengikut imam bangun ke rakaat kelima kerana makmum tahu perbuatan imam adalah salah, sama ada makmum tersebut adalah *muwafiq* atau *masbuq*. Jika makmum tersebut tetap mengikut imam berkenaan mengerjakan rakaat kelima dan dia tahu bahawa itu adalah rakaat tambahan serta tahu akan keharaman mengikut imam, maka batal sembahyangnya.

منوجو كرىضاءن الله
MENUJU KEREDAHAN ALLAH
كلولان قوسة دعوہ اسلامیه

DALAM kehidupan, nasihat adalah salah satu bentuk kasih sayang yang paling bernilai. Memberi dan menerima nasihat adalah amalan yang dianjurkan dalam Islam dan kehidupan bermasyarakat. Nasihat yang baik datang daripada keprihatinan seseorang terhadap kesejahteraan orang lain. Ia bertujuan untuk membimbing, mengingatkan, dan membawa kebaikan dalam kehidupan. Imam Muslim dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Tamim Ad-Dari, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Agama itu adalah nasihat".

Oleh itu, nasihat bukanlah untuk menjatuhkan seseorang, akan tetapi sebagai tanda pemedulian dan kasih sayang antara manusia.

Nasihat mempunyai peranan penting dalam kehidupan, bukan hanya dalam hubungan sesama manusia tetapi juga dalam membentuk akhlak yang baik dan mulia.

• Membantu dalam membuat keputusan

Nasihat sebagai tanda kasih sayang

yang betul

• Nasihat daripada orang yang lebih berpengalaman boleh membantu seseorang membuat keputusan yang bijak dan mengelakkan kesilapan yang mungkin membawa kesan buruk dalam hidupnya.

• Mengukuhkan hubungan kekeluargaan dan persahabatan

Apabila seseorang memberi nasihat dengan penuh kasih sayang, ia menunjukkan bahawa dia mengambil berat tentang kebahagiaan dan kesejahteraan orang lain. Ini mengukuhkan hubungan kekeluargaan dan persahabatan.

• Membantu seseorang menyedari kesilapan

Kadangkala seseorang tidak menyedari kesilapan yang dilakukan. Dengan menerima nasihat, dia boleh memperbaiki diri dan menjadi insan yang lebih baik.

• Membentuk masyarakat yang prihatin

Jika budaya menasihati diamalkan dalam masyarakat dengan cara yang baik, masyarakat akan menjadi lebih harmoni dan penuh kasih sayang.

Cara memberi nasihat dengan hikmah

Walaupun nasihat adalah sesuatu yang

baik, ia perlu disampaikan dengan cara yang berhikmah agar tidak menyakiti hati penerima.

• Gunakan kata-kata yang lembut dan berhemah

Nasihat yang baik tidak seharusnya disampaikan dengan cara yang kasar atau merendahkan seseorang. Gunakan kata-kata yang sopan dan menyenangkan hati.

• Beri nasihat pada waktu yang sesuai

Waktu yang tepat memainkan peranan penting. Jangan memberi nasihat ketika seseorang sedang marah atau emosi kerana ia mungkin tidak diterima dengan baik.

• Berikan contoh yang baik

Nasihat akan lebih berkesan jika si pemberi nasihat sendiri menunjukkan contoh yang baik dalam kehidupannya.

• Nasihatkan dengan kasih sayang, bukan untuk mengkritik

Pastikan niat dalam memberi nasihat adalah untuk kebaikan dan bukan untuk mengkritik atau memperkecilkan seseorang.

Cara menerima nasihat dengan hati terbuka

Selain memberi nasihat, seseorang juga

perlu belajar untuk menerima nasihat dengan hati yang terbuka.

• Tidak cepat tersinggung

Anggap nasihat sebagai satu bentuk kepedulian dan bukannya sebagai serangan peribadi.

• Berfikir secara rasional

Pertimbangkan nasihat yang diberikan dengan fikiran yang rasional dan lihat bagaimana ia boleh membantu memperbaiki diri.

• Ucapkan terima kasih

Hargai mereka yang memberi nasihat kerana mereka sebenarnya menunjukkan kasih sayang dan keprihatinan terhadap kita.

Akhirnya, nasihat adalah tanda kasih sayang yang membantu seseorang menjadi insan yang lebih baik. Dalam memberi nasihat, kita perlu menggunakan cara yang berhemah dan penuh kelembutan agar ia diterima dengan baik. Begitu juga dalam menerima nasihat, seseorang harus bersikap terbuka dan bersedia untuk memperbaiki diri. Dengan adanya budaya saling menasihati dalam masyarakat, hubungan antara manusia akan menjadi lebih harmoni dan penuh dengan kasih sayang.

KOMITED MELINDUNGI, MEMULIHKAN EKOSISTEM MARIN NBD



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menyertai aktiviti pemindahan rumput laut di Pulau Bedukang.

SERASA, Isnin, 26 Mei. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Perikanan dengan kerjasama Syarikat DHI Water & Environment (B) Sdn. Bhd., Universiti Brunei Darussalam (UBD), serta Organisasi Bukan Kerajaan (NGO), telah berjaya melaksanakan aktiviti pemindahan rumput laut di Pulau Bedukang. Inisiatif berkenaan mewakili usaha kolaboratif untuk melindungi dan memulihkan ekosistem marin Negara Brunei Darussalam, di samping meningkatkan kesedaran

awam mengenai peranan habitat karbon biru berkenaan di dalam menangani perubahan iklim. Pelancaran aktiviti berkenaan telah disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin. Turut hadir, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta Besar, Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta ketua-ketua jabatan dari KSSUP dan wakil daripada pelbagai agensi kerajaan.

Usaha bersama berkenaan mencerminkan komitmen bersama dalam menjaga kelestarian alam sekitar dan pemeliharaan habitat marin yang penting. Rumput laut memainkan peranan penting dalam ekosistem marin sebagai kawasan pembiakan, perlindungan dan sumber makanan kepada pelbagai spesies marin. Walau bagaimanapun, habitat berkenaan semakin terancam akibat perubahan iklim dan pembangunan di kawasan pesisir pantai. Menyedari kepentingan ekologi rumput laut, inisiatif berkenaan memfokuskan kepada pemindahan rumput-rumput laut yang sihat dari kawasan terjejas ke zon perlindungan di Pulau Bedukang.

Proses berkenaan dirancang dengan teliti bagi memastikan kejayaan pemindahan dan penyesuaian habitat di lokasi baharu adalah bersesuaian. Rumput laut yang tumbuh dengan baik dan sihat bukan sahaja menyumbang kepada kebersihan air laut dan penyerapan karbon melalui ekosistem karbon biru, malah membantu menstabilkan dasar laut dan mengurangkan hakisan akibat ombak dan arus. Usaha berkenaan turut menyokong keseimbangan alam sekitar dan memainkan peranan penting dalam mitigasi perubahan iklim.

KSSUP melalui Jabatan Perikanan akan terus menyokong

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hasif Matzin

amalan lestari dan projek pemuliharaan sumber marin negara untuk generasi akan datang. Usaha bersama berkenaan diharap dapat mewujudkan lautan yang lebih sihat dan pesisir pantai yang berdaya tahan untuk generasi sekarang dan juga masa hadapan.

Melaksanakan haji tanpa permit sah akan dikenakan hukuman

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 Mei. - Merujuk kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Arab Saudi, bertarikh 30 Syawal 1446 Hijrah mengenai amaran tegas bagi sesiapa yang didapati melakukan pelanggaran terhadap peraturan ibadat haji yang telah ditetapkan terutamanya melaksanakan ibadat haji tanpa permit yang sah akan dikenakan hukuman sepertimana berikut.

Denda sehingga SAR20,000 bagi sesiapa yang didapati melakukan pelanggaran sepertimana berikut, iaitu menunaikan atau cuba menunaikan ibadat haji tanpa permit yang sah; dan pemegang Visa Pelancong atau apa-apa jua jenis visa selain visa haji yang memasuki atau cuba memasuki Mekah dan Mashaer (Arafah dan Mina) atau yang tinggal di kawasan-kawasan berkenaan, bermula dari 1 Zulkaedah hingga 14 Zulhijah.

Selain itu, denda sehingga SAR100,000 bagi sesiapa yang didapati melakukan pelanggaran sepertimana berikut, iaitu sesiapa yang memohonkan (melaksanakan urusan) pengeluaran visa dalam apa-apa jua jenisnya selain visa haji untuk individu yang menunaikan atau cuba menunaikan ibadat haji tanpa permit yang sah atau memasuki atau cuba memasuki Mekah dan Mashaer (Arafah dan Mina), atau yang tinggal di kawasan-kawasan berkenaan, bermula dari 1 Zulkaedah hingga 14 Zulhijah.

Denda berkenaan boleh dikenakan secara berganda mengikut bilangan individu yang terlibat dalam pelanggaran.

Sesiapa yang membawa atau cuba membawa pemegang Visa Pelancong masuk ke Mekah dan Mashaer (Arafah dan Mina) dalam tempoh 1 Zulkaedah hingga 14 Zulhijah; dan sesiapa yang melindungi pemegang Visa Pelancong di tempat-tempat perlindungan seperti hotel, apartmen dan mana-mana tempat tinggal, atau menyembunyikan mereka atau memberikan bantuan yang boleh menyebabkan mereka kekal berada di Mekah dan Mashaer (Arafah dan Mina) dari 1 Zulkaedah hingga 14 Zulhijah.

Denda berkenaan boleh dikenakan secara berganda mengikut bilangan individu yang ditempatkan, dilindungi atau dibantu secara tidak sah. Mana-mana penduduk tetap atau warga asing yang didapati mencerooboh untuk menunaikan ibadat haji tanpa permit yang sah, akan dihantar pulang ke negara asal masing-masing dan nama mereka akan disenaraihitamkan daripada memasuki Kerajaan Arab Saudi selama 10 tahun.

Pihak berkuasa akan memohon kepada mahkamah untuk merampas mana-mana kenderaan darat yang didapati digunakan bagi membawa pemegang Visa Pelancong atau apa-apa jua jenis visa selain visa haji masuk ke Mekah dan Mashaer (Arafah dan Mina) dalam tempoh 1 Zulkaedah hingga 14 Zulhijah, tanpa mengira sama ada kenderaan berkenaan dimiliki oleh pemandu, rakan kongsi, atau mana-mana individu yang bersubahat dalam melanggar peraturan berkenaan.

Seterusnya merujuk kenyataan yang dikeluarkan oleh Sekretariat Agung Majlis Ulama Tertinggi yang telah disiarkan oleh Agensi Berita Saudi (Saudi Press Agency) pada Ahad, 29 Syawal 1446H, yang menegaskan pendirian Majlis Ulama Tertinggi sepertimana yang disampaikan dalam kenyataan bertarikh 12 Syawal 1445H mengenai kewajipan untuk mendapatkan permit yang sah bagi sesiapa yang berhasrat untuk menunaikan ibadat haji.

Adalah ditegaskan bahawa tidak dibenarkan menunaikan ibadat haji tanpa permit yang sah, demi menjaga kepentingan umum dan mengelakkan sebarang kemudaratn kepada jemaah haji secara keseluruhan.

Majlis juga menyeru agar jemaah mematuhi segala peraturan dan arahan yang telah ditetapkan, bagi membolehkan umat Islam menunaikan ibadah haji dengan aman, mudah dan tenang.

Sebagai usaha Kerajaan Arab Saudi untuk memudahkan dan membolehkan umat Islam dari seluruh dunia menunaikan ibadat haji dengan tenang dan lancar, Kementerian Haji dan Umrah dan pihak berkuasa yang berkenaan di Arab Saudi telah mengenal pasti sejumlah iklan yang disiarkan oleh syarikat, kempen palsu, serta akaun-akaun tidak sah di media sosial yang mendakwa mampu menguruskan pelaksanaan ibadat haji menggunakan visa umrah, pelancongan, pekerjaan, ziarah keluarga, transit dan lain-lain visa selain visa haji dengan tawaran harga menarik.

Walaupun bagaimanapun, hakikatnya visa-visa berkenaan tidak membolehkan pemegangnya menunaikan ibadat haji, bahkan akan menyebabkan mereka dikenakan tindakan undang-undang dan masalah.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan perkara-perkara yang disebutkan di atas, orang ramai adalah diingatkan untuk mematuhi semua peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Arab Saudi dan meminta orang ramai untuk menunaikan ibadat haji mengikut saluran yang betul demi menjaga nama baik Negara Brunei Darussalam.

Komited mempertingkatkan kecemerlangan sebagai peneraju pengajian tinggi Islam



Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) buat pertama kalinya menerima Anugerah Peneraju 3G dalam Pendidikan dan Pembangunan Sumber Manusia 2025 pada Majlis Anugerah Tadbir Urus Terbaik Global 2025 (Anugerah 3G) Ke-10 yang diadakan di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah baru-baru ini.

Anugerah ini merupakan hasil penilaian Cambridge IFA dan disampaikan oleh Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus yang juga selaku tetamu kehormat majlis.

Hadir bagi menerima penganugerahan tersebut bagi pihak UNISSA ialah Rektor

UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Majlis penyampaian anugerah itu adalah sebahagian daripada acara Sidang Kemuncak yang dianjurkan oleh Cambridge IFA (Cambridge Institute of Islamic Finance) dengan kerjasama UNISSA dan dengan sokongan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Anugerah 3G merupakan satu program tahunan bagi memberi penghargaan kepada individu, kerajaan, institusi awam dan swasta serta NGO yang telah menyumbangkan usaha cemerlang dalam bidang itu. Anugerah ini menjadi sumber inspirasi dalam memperkukuhkan prinsip tadbir urus yang baik, ketelusan, serta tanggungjawab sosial, khususnya dalam tiga sektor utama: Kerajaan dan Politik, Sektor Korporat dan Sektor Sosial

REKTOR UNISSA semasa hadir bagi menerima Anugerah Peneraju 3G dalam Pendidikan dan Pembangunan Sumber Manusia 2025 pada Majlis Anugerah Tadbir Urus Terbaik Global 2025 (Anugerah 3G) Ke-10 baru-baru ini.

dan Filantropi.

Rektor UNISSA berharap dengan pencapaian anugerah ini, UNISSA akan terus berusaha meningkatkan kualiti dan kecemerlangannya sebagai peneraju pengajian tinggi Islam di rantau ini.

Penganugerahan ini secara tidak langsung menjadi satu dorongan bagi seluruh warga UNISSA untuk terus berkembang maju dan meningkatkan kecemerlangan dalam pelbagai bidang di arena antarabangsa, khususnya dalam memacu pembangunan ummah sejagat.

Kejayaan ini telah mengiktiraf usaha UNISSA sebagai institusi pengajian tinggi Islam yang berdedikasi untuk terus bersikap dinamik dan inovatif serta mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran menerusi platform pendidikan sekali gus dalam sama-sama berusaha mengembangkan dan memperkasa fungsi sumber manusia di peringkat serantau dan global.

Sebanyak 19 penerima daripada 15 negara diberi penghormatan pada acara berkenaan, yang menghimpunkan tokoh terkemuka daripada sektor kerajaan dan korporat di peringkat antarabangsa.

192 TERIMA ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



TUNGKU LINK, Selasa, 27 Mei. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), Jabatan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Swasta dan Jabatan Pendidikan Khas dengan kerjasama pihak Cambridge Assessment International Education (CAIE) telah mengadakan Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Tahun 2024 bagi pelajar - pelajar yang mencapai kecemerlangan dalam Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE (BCGCE) Peringkat 'A'; International Baccalaureate (IB); Pearson Edexcel UK / GCE International Advanced Level; BCGCE Peringkat 'O' dan IGCSE; Pearson BTEC Level 2 dan Level 3 Extended Certificate dan Penilaian Sekolah Rendah (PSR), hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei

Darussalam (UBD) ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awangku Luqman 'Amri Al-Hakeem bin Pengiran Asmali @ Pengiran Ali Shafie, pelajar Tahun 13 dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

Pada majlis itu juga, Pemangku Pengarah Peperiksaan, Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan, Awang Shahrizal bin Haji Emran selaku Pengerusi Bersama Majlis dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan bahawa Anugerah Pelajar Cemerlang ialah anugerah tahunan yang bertujuan untuk memberikan pengiktirafan, penghargaan dan dorongan kepada para pelajar yang mencapai kecemerlangan akademik khususnya dalam peperiksaan awam di peringkat negara.

"Bagi mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Pendidikan terhadap pendidikan di samping memberikan pengiktirafan kepada pihak sekolah atas inisiatif yang dilaksanakan sepanjang tahun untuk mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan awam," ujarnya.

Menurut beliau lagi, dalam Pelan Strategi 2023-2027 selaras dengan aspirasi Kementerian Pendidikan beberapa inisiatif pembaikan telah dilaksanakan, antaranya pemerkasaan pembelajaran bersepadu melalui Science, Technology, Engineering, Arts dan Mathematics (STEAM) bagi menyahut seruan Wawasan Brunei 2035.

"Pengukuhan STEAM di sekolah membuka peluang kepada pelajar untuk mengembangkan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif yang sejajar dengan keperluan kemahiran abad ke-21.

"Inisiatif ini bukan sahaja bertujuan mempersiapkan mereka menghadapi peperiksaan tetapi juga membentuk mereka sebagai individu yang mampu menyumbang secara aktif kepada ekonomi berpengetahuan dan masyarakat global," jelasnya lagi.

Sebagai bukti komitmen, jelas Awang Shahrizal, Kementerian Pendidikan dalam sistem pendidikan yang inklusif, progresif dan berpaksikan potensi pelajar secara menyeluruh, pelbagai projek telah dilaksanakan.

"Antaranya termasuk Coding with Smart Devices, SMART Classroom, Program Keusahawanan Celik-Biz dan BigStart, serta inisiatif ShInE (Sheltered Integrated Employment) untuk pelajar berkeperluan khas," tambahnya lagi.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang Tahun 2024 (atas dan kiri).

Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyampaian anugerah kepada para pelajar yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid UBD, Awang Muhammad Wafiy bin Awang Mohammad.

Seramai 192 orang pelajar daripada sekolah rendah, menengah, maktab dan pusat tingkatan enam kerajaan, swasta dan antarabangsa di seluruh negara telah menerima anugerah mengikut kategori yang telah ditetapkan.

Anugerah Pelajar Cemerlang ini juga merupakan salah satu inisiatif tahunan Kementerian Pendidikan yang bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada pelajar-pelajar yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang akademik khususnya di dalam peperiksaan awam dan sebagai dorongan serta galakan

kepada pelajar-pelajar supaya lebih bersemangat untuk meraih kecemerlangan di masa hadapan.

Selain itu, melalui majlis penganugerahan ini, Kementerian Pendidikan turut memberikan penghargaan kepada ibu bapa dan penjaga atas sokongan dan dorongan yang berterusan kepada anak-anak mereka, di samping memberikan pengiktirafan kepada pihak sekolah atas inisiatif yang dilaksanakan sepanjang tahun dalam mencapai keputusan cemerlang di dalam peperiksaan awam.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha - setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Naib-naib Canselor, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan, pemimpin-pemimpin sekolah serta ibu bapa dan penjaga pelajar-pelajar penerima anugerah.

Mengetengahkan reka bentuk inovatif tangani cabaran global



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BELAIT, Isnin, 26 Mei. - Sekolah Sains dan Kejuruteraan (SSE) Politeknik Brunei dengan bangganya mempersembahkan Pameran Pelajar Seni Bina Kali Ke-2, sebuah platform yang menampilkan inovasi pelajar serta usaha dalam meningkatkan kesedaran terhadap ilmu reka bentuk seni bina.

Ia mempamerkan pelbagai jenis projek yang memfokuskan kepada

seni bina moden.

Hadir bagi melancarkan pameran berkenaan, Pemangku Pengerusi Lembaga Bandar Seri Begawan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Muhammad Reizal bin Muhammad Ali, selaku tetamu kehormat majlis.

Pemangku Pengarah Politeknik Brunei, Dayang Hajah Armah binti Tengah dalam ucapan

PEMANGKU Pengerusi Lembaga Bandar Seri Begawan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Muhammad Reizal bin Muhammad Ali hadir selaku tetamu kehormat pada Pameran Pelajar Seni Bina Kali Ke-2 (kiri dan bawah kanan).

alu - aluannya menjelaskan pameran berkenaan berlangsung selama dua hari di Perpustakaan, SSE, Kampus Lumut, Kuala Belait pada hari ini hingga 27 Mei 2025.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Penolong Pengarah, ketua-ketua sekolah, ketua-ketua bahagian, para pensyarah dan pelajar SSE serta rakan industri yang memberikan sokongan positif terhadap hasil reka bentuk para pelajar yang beraspirasi membentuk landscape seni bina bandar yang lebih moden dan kompleks.

Pameran berkenaan mengetengahkan pelbagai rekaan pelajar termasuk model interaktif serta sesi kritik akhir bagi semua 50 projek pelajar seni bina.

Sesi berkenaan memberikan maklum balas membina untuk membantu para pelajar mempertingkatkan daya fikir reka

bentuk dan sempadan inovasi mereka.

Selain itu, hari kedua pameran turut diserikan dengan sesi ceramah khas yang disampaikan oleh Pengarah Reka bentuk dari Design Marche, Awang Haji Mohammad Hadi @ Azmi bin Azri yang berkongsi perjalanan beliau dalam menghasilkan ruang transformasi dan pengalaman reka bentuk sebagai seorang pereka profesional.

Pameran dua hari berkenaan berfungsi sebagai platform bermakna bagi penglibatan antara pelajar, tenaga pengajar, profesional industri serta orang awam.

Ia merupakan peluang unik untuk meneroka bagaimana generasi baharu arkitek menerapkan pemikiran reka bentuk inovatif dalam menangani cabaran global serta menyumbang ke arah masa depan yang lebih lestari.

Pameran Pelajar Seni Bina Kali Ke-2 dibukakan untuk kunjungan orang ramai, dan semua dijemput hadir pada kedua-dua hari untuk merasai sendiri kreativiti dan inovasi yang dipamerkan.

Oleh itu, jangan lepaskan peluang untuk berinteraksi dengan masa depan dunia seni bina dan para pereka yang bakal mengubah landscape bandar demi masa depan yang lebih baik.



MEMPERKUKUH PERSEFAHAMAN, MENYOKONG ASPIRASI KOMUNITI ASEAN



KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Isnin, 26 Mei. - Mesyuarat Ke-14 ASEAN-AIPA Leaders' Interface sempena Sidang Kemuncak ASEAN Kali Ke-46 telah berlangsung pada 26 Mei 2025, bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur, Malaysia.

Majlis Mesyuarat Negara (MMN) diwakili oleh Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Mesyuarat tahunan berkenaan merupakan landasan tertinggi di

YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa menghadiri Mesyuarat Ke-14 ASEAN-AIPA Leaders' Interface sempena Sidang Kemuncak ASEAN Kali Ke-46.

antara Ketua-ketua Kerajaan Negara-negara Anggota ASEAN dengan Pemimpin Parlimen Negara-negara Ahli ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) untuk memperkukuh persefahaman, merapatkan kerjasama serta menyokong aspirasi Komuniti ASEAN yang bersatu, inklusif dan mampan.

Terdahulu, Mesyuarat Persediaan telah pun diadakan antara Ketua-ketua Delegasi Negara-negara Ahli AIPA bagi membincangkan Mesej AIPA. Mesej berkenaan kemudiannya dipersetujui secara sebulat suara

SEKITAR mesyuarat berkenaan yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur, Malaysia.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

untuk disampaikan sebagai suara bersama Parlimen Negara-negara Ahli AIPA.

Semasa Mesyuarat Ke-14 ASEAN-AIPA Leaders' Interface berlangsung, Yang Di-Pertua Dewan Rakyat Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul, selaku Presiden AIPA telah menyampaikan Mesej AIPA kepada para pemimpin ASEAN.

Mesej berkenaan menyuarakan sokongan penuh terhadap tema Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 dan menegaskan komitmen AIPA

dalam memajukan pertumbuhan inklusif, pembangunan mampan serta memperkukuh integrasi serantau menjelang Wawasan Komuniti ASEAN 2045.

Selepas mesyuarat, satu Majlis Penandatanganan Deklarasi 'Kuala Lumpur Declaration on ASEAN 2045 : Our Shared Future' turut diadakan yang telah dihadiri oleh Ketua-ketua Perwakilan bagi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan termasuk Ketua-ketua Delegasi AIPA.



Memperkasa institusi keluarga, perkukuhkan kesejahteraan masyarakat



MESYUARAT tersebut dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Mei. - Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) mengadakan mesyuarat pertama hari ini bagi membincangkan persediaan-persediaan bagi menyambut HKK Kali Ke-13 yang berlangsung di Bilik Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; dan Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul Walid bin Haji

Matassan.

Dalam ucapan alu-aluan Pengerusi Bersama, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS menyatakan bahawa pada tahun ini Sambutan HKK terus diraikan sebagai komitmen negara dalam usaha mendukung pembangunan sosial ke arah pembangunan masyarakat yang mampan dan sejahtera.

"Sambutan HKK ini dihasratkan dapat memupuk dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pentingnya mengukuhkan institusi keluarga sebagai asas penting dalam pembentukan identiti, nilai dan harapan masa depan sesebuah negara," jelasnya.

"Ini kerana pembangunan keluarga juga merupakan elemen yang penting dalam mencapai Wawasan Brunei 2035, yang bertujuan untuk menjadikan

Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai sebuah negara yang memiliki kualiti hidup terbaik di dunia, setaraf dengan negara-negara maju, yang berfokus pada peningkatan kualiti kehidupan semua penduduknya," tambahnya.

Beliau juga mengongsikan bahawa tema Sambutan HKK pada tahun ini yang jatuh pada setiap Hari Ahad pertama pada bulan Mei ialah 'Keluargaku Harapanku', manakala Fokus Sambutan ialah 'Menerapkan Nilai-nilai Teras Kekeluargaan Brunei: Sayang-menyayangi; Tanggungjawab; Hormat-Menghormati; Pemedulian' (Nilai-nilai Teras Kekeluargaan Brunei; 'Satu Harapan').

"Sambutan HKK juga selari dengan aspirasi global melalui 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan juga selaras dengan Social Blueprint NBD,

khususnya Aspirasi 2: Memperkasa Keluarga yang Penyayang, Kukuh dan Berdaya Tahan.

"Matlamat dan Aspirasi ini seterusnya disampaikan /didukung melalui Pelan-Pelan Tindakan di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) termasuklah Pelan Tindakan Institusi Keluarga," terangnya.

Beliau kemudiannya menjelaskan bahawa Pelan Tindakan Institusi Keluarga bagi tahun 2025-2029 telah pun diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertua Negara Brunei Darussalam susulan dari Mesyuarat MKIS Ke-2 2024 dan akan dilancarkan pada tahun ini sebagai salah satu inisiatif utama sambutan HKK tahun ini.

Selain itu, beliau juga mengongsikan bahawa Sambutan HKK pada tahun ini telah diadakan pada hari Ahad, 4 Mei 2025.

"Acara tersebut dimulakan dengan Majlis Kesyukuran yang diadakan pada 3 Mei 2025.

"Acara-acara bersempena HKK juga giat dilaksanakan setiap minggu pada bulan ini oleh pelbagai pihak," ujarinya lagi.

Beliau berharap dengan adanya dokongan dasar negara yang

berorientasikan keluarga serta tema dan fokus HKK, usaha memperkasa institusi keluarga dari segi sosial, ekonomi dan rohani akan terus diperkukuhkan demi memastikan kesejahteraan keluarga kekal sebagai teras dalam perancangan pembangunan mampan negara.

Beliau juga menggalakkan setiap agensi-agensi kerajaan untuk mengadakan sekurang-kurangnya satu aktiviti / inisiatif bersempena Sambutan HKK pada tahun ini dan pada tahun-tahun seterusnya, dan bagi setiap agensi untuk mengongsikan apa jua aktiviti / inisiatif berkenaan kepada Jabatan Perdana Menteri.

Beliau seterusnya mengharapkan agar semua pihak berganding bahu untuk terus sama-sama bekerja sama, dalam memberikan komitmen yang kepada, terutama sekali dalam menggerakkan acara-acara Sambutan HKK untuk mencapai matlamat kita demi keharmonian keluarga dan pembangunan negara.

Turut hadir, ahli - ahli jawatankuasa tertinggi yang terdiri daripada ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan kerajaan, sektor swasta dan persatuan badan-badan bukan kerajaan.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Salutasi Usus Awda



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
Registered Under Business
Names Act
(Section 16 & Section 17)

Kategori:
Sale Of New Motor Vehicles

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
10 Jun 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
24 Jun 2025 (Selasa)
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ME / 18 / 2025

Nama Projek:
Membekal Satu (1) Unit
Kenderaan '7-Seaters 4WD',
Jabatan Perkhidmatan Teknikal,
Jabatan Kerja Raya

Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
Registered Under Business
Names Act
(Section 16 & Section 17)

Kategori:
Sale Of New Motor Vehicles

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
10 Jun 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
24 Jun 2025 (Selasa)
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

1. Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ME / 19 / 2025



Bilangan Rujukan :
JBBSB / SH / 2025 – 2026 / 26 /
BPKB / 03

Tajuk Sebut Harga :
Request For Proposal Bagi
Memajukan, Membiayai,
Mengendali
dan Menyelenggara Tapak
Gazette No. 81504 Kampung Parit

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis, 12 Jun 2025.

bukan terdiri daripada pegawai
dan kakitangan yang sedang
berkhidmat dengan Kerajaan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
adalah dikehendaki untuk:

a) Menghadapkan
dokumen-dokumen yang
diperlukan ke alamat e-mel
recruitment@ibte.edu.bn dan
sertakan nombor Kad Pengenalan
dan Kod Rujukan Iklan
(contoh : 00-123456,
20250528/TP/III/TI) sebagai
subjek e-mel tersebut.

b) Pemohon-pemohon hendaklah
menghadapkan melalui e-mel
dokumen-dokumen seperti berikut:

- Resume / CV terkini
- Salinan kelayakan akademik dan profesional
- Salinan Kad Pengenalan
- Sebarang dokumen sokongan yang relevan (contoh : surat MKPK, surat dan sijil-sijil yang berkaitan)

3. Bagi pemohon-pemohon yang
terdiri daripada pegawai dan
kakitangan yang sedang
berkhidmat dengan Kerajaan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia,
adalah dikehendaki untuk:

a) Melengkapkan borang
permohonan secara *online* dan
juga menghadapkan
dokumen-dokumen yang berkaitan
secara *hardcopy* ke Bahagian



Nama Projek:
Membekal Satu (1) Unit 'Jetting /
Vacuum Tanker' Untuk Bahagian
Pembetulan,
Jabatan Saliran dan
Pembetulan

2. Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ME / 20 / 2025

Nama Projek:
Membekal Lima (5) Unit
Kenderaan '7-Seaters 4WD',
Jabatan Perkhidmatan Mekanikal
dan Elektrikal,
Jabatan Kerja Raya (Fasa 2) -
Tawaran Semula

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak dikembalikan)



Jam 2.00 Petang

**Keterangan Lanjut Boleh
Diperoleh Dari:**
Bahagian Perancangan dan
Kemajuan Bandar
Tingkat 3, Bangunan Jabatan
Bandaran Bandar Seri Begawan
Blok B1, Jalan Seri Beribi,
Negara Brunei Darussalam

Sumber Manusia, Ibu Pejabat
Institut Pendidikan Teknikal Brunei
(IBTE).

b) E-mel dokumen-dokumen
berkenaan ke alamat e-mel
recruitment@ibte.edu.bn dan
sertakan nombor Kad Pengenalan
dan Kod Rujukan Iklan (contoh:
00-123456, 20250528/TP/III/TI)
sebagai subjek e-mel tersebut
berserta dokumen-dokumen
berkaitan.

c) Pemohon-pemohon hendaklah
menghadapkan secara *hardcopy*
dan melalui e-mel
dokumen-dokumen seperti berikut:

- Borang "IBTE Recruitment Application Form"
- Borang pengesahan Ketua Jabatan
- Penilaian prestasi tiga (03) tahun kebelakangan
- Laporan sulit
- Rekod perkhidmatan yang lengkap dan terkini
- Resume / CV terkini
- Salinan kelayakan akademik dan profesional
- Salinan Kad Pengenalan
- Sebarang dokumen sokongan yang relevan (contoh : surat MKPK, surat dan sijil-sijil yang berkaitan)

Sila ambil perhatian :
Permohonan yang tidak lengkap
tidak akan dipertimbangkan.
Pastikan Awang / Dayang



JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam

Kelas: II & III

Kategori:
K01, B01, E01, E02 & E05

Tarikh Buka Tawaran pada :
26 Mei 2025 (Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
9 Jun 2025 (Isnin)

Tarikh Tutup Pada :
9 Jun 2025 (Isnin)
Sebelum jam 9.00 Pagi

(Ditutup di Tingkat 1, Jabatan
Alam Sekitar, Taman dan
Rekreasi, Bangunan Tumasek
Plaza, Jalan Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha,
Bandar Seri Begawan BA1910,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / QTN029 / 2025
Pembekalan dan Pemasangan
Lampu Spot Solar Di
Pusat Pengumpulan Sisa,
Daerah Brunei Muara

No. Projek:
JASTRE / QTN29 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND9.00 (Tidak dikembalikan)



JABATAN KAJICUACA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan Sebut Harga:
JKBD / 2025 / SH-06

**Sebut Harga bagi
Perkhidmatan / Pembekalan:**
Two (2) Years Term Contract
For Rodent, Pest And Snake
Control At The Headquarter, The
Meteorological Station, The
Swiper Building And The Doppler
Weather Radar Building Of
The Brunei Darussalam
Meteorological Department

Hari / Tarikh / Waktu Tutup:
Rabu, 18 Jun 2025.
Sebelum pukul 9 Pagi

Kepada;
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajicuaa
Brunei Darussalam
Tingkat 1, Blok B23,
Flat Anggerek Desa,
Simpang 32-37,
Kampung Anggerek Desa,
Mukim Berakas, BB3713
Negara Brunei Darussalam



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / POC
/ TA / 01

Pembelian Peralatan Sukan
Functional Training Bagi
Keperluan Pusat Optima
Kecergasan Tentera

Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah satu
minggu sebelum tarikh
tutup tawaran,
iaitu Isnin, 9 Jun 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 17 Jun 2025
2.00 Petang.



Pemohon-pemohon yang terdiri
daripada Rakyat Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam yang memenuhi
syarat-syarat kelayakan adalah
dipelawa untuk memohon
jawatan berikut :

Jawatan:
Pengajar Teknik
Institut Pendidikan
Teknikal Brunei

Bahagian:
III

Tangga Gaji:
G.3 (BND1,310 - BND2,715
sebulan)
G.8 (BND1,600 - BND3,260
sebulan)

Kekosongan Jawatan:
Dua belas (12)

Tatacara Permohonan:

1. Pemohon-pemohon hendaklah
melengkapkan borang "IBTE
Recruitment Application Form"
melalui pautan:
<https://forms.office.com/r/bddjk4jK37>

2. Bagi pemohon-pemohon yang





KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
KK / 121 / 2025 / LAB(TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Reagents And Consumables For Illumina Platform (AMR Surveillance) For Microbial Genomics Services, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup:
3 Jun 2025.
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran:
DRG / 47 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 48 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 49 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 50 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 51 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 52 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 53 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 54 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of

Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 55 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 56 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 57 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 58 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 59 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 60 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Tarikh Tutup:
Selasa,
10 Jun 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI

Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 021 / 2025
Supply and Delivery of Air Inlet Filters for Frame 6541 Gas Turbines at DES Power Station

Tarikh Tutup:
10 Jun 2025.
Selasa,
Jam 2.00 Petang.

Yuran Tawaran:
BND30.00



JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
02 / BBS / SH / 2025-2026

Keterangan Projek:
Kerja-Kerja Penggantian Tiga (3) Main Switch Board Termasuk Pendawaian Bangunan Pentas Diraja Padang Bandaran, Jalan Sultan, Kuala Belait

Dibukakan kepada pemborong - pemborong yang berdaftar dengan **Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam**



Kategori:
E01 – Pemasangan Pendawaian Elektrik

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non - Refundable)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
3 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

PERATURAN PENGIKLAMAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



Tawaran dibukakan kepada Pemborong-Pemborong yang berdaftar bagi mengikuti Tawaran Projek Kerajaan Negara Brunei Darussalam di dalam **Kelas III, IV & V** serta mempunyai kategori kerja dalam perkhidmatan Landskap

Bilangan Tawaran:
MFA / ASSET / T02 / 2025

Tajuk Tawaran:
Landscape Maintenance Services At Ministry Of Foreign Affairs, Jalan Subok For A Period Of Three (3) Years

Kategori:
KPB12

Bayaran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.



BERSAMA BANTU TINGKATKAN STOK BEKALAN DARAH NEGARA



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

JERUDONG, Selasa, 27 Mei. - Dalam usaha menyokong Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dalam memastikan bekalan darah yang mencukupi untuk keperluan pesakit-pesakit, terutama sekali di waktu kecemasan, Kedutaan Diraja Thailand menganjurkan Kempen Derma Darah bersama dengan Komuniti Thailand dan 'Friends of Thailand' di Negara Brunei Darussalam (NBD), hari ini.

Kempen Derma Darah tersebut berlangsung di Aras 1, Bilik Derma Darah, Jerudong Park Medical Centre (JPMC), di sini yang bermula dari pukul 8.30 pagi hingga pukul 2.00 petang.

Hadir mengetuai kempen tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai. Kempen Derma Darah tersebut telah berjaya mengumpulkan sebanyak 27 pain darah.

Ini merupakan Kempen Dema Darah Ke-13 anjuran Kedutaan Diraja Thailand bersama dengan Komuniti Thai di negara ini dan 'Friends of Thailand' serta JPMC berikutan menerima sambutan yang menggalakkan daripada Komuniti Thai dan 'Friends of Thailand'.

Selain itu, bagi orang ramai yang ingin menderma darah adalah dialu-alukan untuk menyertai kempen tersebut dengan menempah slot melalui Aplikasi BloodKad atau berkunjung ke Pusat Pendermaan Darah, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Hospital RIPAS.



PUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Thailand ke Negara Brunei Darussalam hadir mengetuai Kempen Derma Darah (atas dan kiri). Manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir pada kempen berkenaan.



Mendisiplinkan diri dalam mengatur masa belajar



AWANG Muhd. Hanef Darwisy bin Hailor Faizal dari Sekolah Menengah Masin.

Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, merupakan antara pelajar yang menerima Cambridge Outstanding Achiever Awards (COAA) Brunei-Cambridge 'A' Level (Top in Brunei) dalam mata pelajaran Syariah.

Beliau menerangkan antara usaha atau pendekatan yang paling banyak membantunya untuk mencapai kejayaan berkenaan ialah dengan sentiasa mengulang-ulang hafalan agar tidak mudah lupa.

Selain itu, beliau juga akan memastikan mempunyai kefahaman yang tepat dan lebih mendalam dalam setiap topik pelajaran dengan memperbanyakkan menjawab soalan-soalan peperiksaan tahun-tahun terdahulu.

Di masa lapang pula, beliau akan melakukan sesi soal jawab bersama kawan-kawan mengenai topik pelajaran yang berkaitan.

Kejayaan ini juga katanya, adalah hasil daripada dorongan inspirasi daripada guru-guru di sekolah yang sering memberikannya kata-kata semangat dan dorongan kepadanya untuk melakukan yang terbaik dan mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.

Di samping itu tambahnya lagi, kedua-dua ibu bapa dan juga keluarga turut memainkan faktor

dan peranan yang penting dalam kejayaannya kerana tujuan utamanya ialah ingin membanggakan mereka atas kejayaan yang diperoleh dan dapat mengharumkan nama keluarga dan akhir sekali ialah rakan-rakan di Maktab Duli yang selalu memberi pertolongan, sokongan serta dorongan kepadanya sepanjang perjalanan akademiknya di maktab.

"Nasihat saya adalah memastikan para pelajar di luar sana mempunyai kefahaman asas dalam setiap topik pelajaran, jika berasa ragu-ragu atau kurang faham, jangan sesekali malu bertanya kepada guru-guru atau kawan-kawan," katanya Dayang Aliaa Aqidah lagi.

Beliau juga menyarankan untuk memulakan ulang kaji pelajaran seawal mungkin, selain turut mengutamakan kesihatan dan kesejahteraan mental serta fizikal.

Dan terakhir sekali katanya, kepada para penuntut yang akan menduduki Peperiksaan BCGCE 'A' Level tahun ini, jangan sesekali memandang rendah akan soalan peperiksaan, sebaliknya membayangkan soalan peperiksaan itu sukar, agar para pelajar dapat memberikan usaha yang lebih lagi dalam mengulang kaji pelajaran agar mereka lebih bersedia.

Manakala, bagi Awang Muhd. Hanef Darwisy bin Hailor Faizal, dari Sekolah Menengah Masin, merupakan penerima anugerah COAA Brunei-Cambridge 'O' Level (Top in Brunei) dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Menurutnya, usaha atau pendekatan yang paling banyak membantu untuk mencapai kejayaan ini ialah dengan mendisiplinkan diri dalam mengatur masa, menumpukan perhatian ketika guru memberi penerangan dan bertanya jika tidak faham.

Selain itu, beliau juga mengamalkan sembahyang sunat serta memperbanyakkan berdoa, dan yang paling penting untuk mendapatkan kejayaan ialah menghormati ibu bapa dan guru untuk mendapatkan keberkatan dalam pelajaran mahupun kehidupan.

Ibu katanya lagi, adalah orang yang paling banyak memberi inspirasi di sepanjang perjalanan akademiknya.

Awang Muhd. Hanef Darwisy seterusnya berkata walaupun ibunya sibuk dengan kerja dan urusan harian, namun beliau sentiasa meluangkan masa untuk memberikan sokongan dan nasihat agar tidak mudah berputus asa dalam pelajaran, sekalipun ketika menghadapi tekanan dalam belajar.

"Pengorbanannya mengingatkan saya bahawa kejayaan bukan hanya untuk diri

saya sendiri tetapi juga untuk membalas jasa ibu dan keluarga saya.

"Di kesempatan ini juga, dinasihatkan kepada para pelajar yang ingin mencapai kejayaan supaya untuk terus berusaha bersungguh-sungguh dan tidak mudah putus asa.

"Kegagalan bukan bermaksud gagal selama-lamanya, tetapi kegagalan ialah di mana tempat kita melihat kelemahan kita untuk diperbaiki, dan meskipun mempunyai kelemahan dalam pelajaran, kita hendaklah mengutamakan adab kerana melalui adab kita akan beroleh keberkatan dalam pelajaran untuk mendapat kejayaan," ujarinya lagi.



DAYANG Aliaa Aqidah binti Haji Abu Hanipah dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

TUNGKU, Selasa, 27 Mei. - Anugerah Pelajar Cemerlang diadakan sebagai dorongan serta galakan kepada para pelajar supaya lebih bersemangat untuk meraih kecemerlangan berterusan di masa hadapan demi menyahut seruan negara dalam melahirkan belia yang berpendidikan dan berkemahiran.

Dalam pada itu, Pelita Brunei berkesempatan menemu bual dua penerima anugerah cemerlang pada Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang (APC) Tahun 2025 yang berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

Dayang Aliaa Aqidah binti Haji Abu Hanipah dari Maktab Duli

MEMBINA BUDAYA KELESTARIAN KUKUH DALAM KOMUNITI SEKOLAH

PENOLONG Pengarah Sekolah - sekolah, Jabatan Sekolah - sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Norhaiyati binti Haji Serudin bergambar ramai bersama delegasi yang akan menyertai Program SEP4School dan SEP Student Camp di Bangkok, Thailand, selama lima hari, dari 27 hingga 31 Mei 2025.

BERAKAS, Isnin, 26 Mei. - Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Jabatan Sekolah-sekolah, Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Pusat STEP), serta Pusat Keusahawanan Inovasi (EIC), telah menyelaras penyertaan NBD dalam Program SEP4School dan SEP Student Camp yang dianjurkan oleh SEAMEO Regional Centre for Sufficiency Economy Philosophy for Sustainability (SEPS).

Kedua-dua program berkenaan akan berlangsung secara serentak di Bangkok, Thailand, selama lima hari, dari 27 hingga 31 Mei 2025.

Program berkenaan menghimpunkan pelajar, guru dan pengetua sekolah dari negara-negara Ahli SEAMEO, termasuk Republik Rakyat China, Jepun, dan Republik Korea.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk mengucapkan selamat belayar kepada para delegasi, Penolong Pengarah Sekolah - Sekolah, Jabatan Sekolah - Sekolah,



Kementerian Pendidikan, Dayang Norhaiyati binti Haji Serudin.

Bagi mewakili NBD, Kementerian Pendidikan telah menghantar seramai enam orang dari Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam, yang terdiri daripada empat pelajar, seorang guru pengiring dan pengetua sekolah berkenaan.

Dengan tema 'Developing a School Culture of Sustainability :

The Sufficiency Economy Mindset in Climate Action in Schools', program berkenaan menjadi platform dinamik untuk pertukaran ilmu, pembangunan kepimpinan serta penglibatan belia dalam isu kelestarian alam sekitar.

Melalui integrasi prinsip Falsafah Ekonomi Mampan (SEP) dengan strategi tindakan iklim yang praktikal, program berkenaan bertujuan membina budaya kelestarian yang kukuh

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

dalam komuniti sekolah.

Melalui program berkenaan, para peserta dijangka akan pulang dengan ilmu baharu, kemahiran praktikal dan semangat yang diperbaharui untuk menyemai pemikiran lestari dalam institusi masing-masing.

Selain meningkatkan ilmu pengetahuan, program berkenaan turut memupuk nilai

kewarganegaraan global, menggalakkan kerjasama rentas negara, serta membina jaringan persahabatan dalam kalangan pelajar daripada pelbagai latar belakang budaya dan negara.

Turut hadir, para pegawai Kementerian Pendidikan dari Jabatan Sekolah-sekolah, EIC, serta ibu bapa dan ahli keluarga pelajar.

12 pelajar PTEB berlepas ke Singapura bagi Program Sekolah Berkembar



■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BERAKAS, Isnin, 26 Mei. - Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Jabatan Sekolah-sekolah hari ini menyelaras lawatan delegasi Pusat Tingkatan Enam Belait (PTEB) yang terdiri daripada 12 orang pelajar Tahun 13, diiringi oleh tiga orang guru kanan pusat

tingkatan enam berkenaan ke Temasek Junior College (TJC), Republik Singapura.

Lawatan selama lima hari yang bermula dari 26 hingga 30 Mei 2025, merupakan sebahagian daripada Program Sekolah Berkembar antara NBD dan Republik Singapura.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Pemangku Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan (Korporat), Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Sarifah binti Haji Matsawali.

Program Sekolah Berkembar bagi tahun ini menandakan

pusingan kedua lawatan keluar antara PTEB dan TJC, susulan lawatan masuk oleh TJC ke Brunei Darussalam yang telah berjaya dilaksanakan dari 1 hingga 5 Julai 2024, setelah pusingan pertama program ini dilaksanakan pada tahun 2018 dan 2019.

Program berkenaan bertujuan untuk memberikan pendedahan bermakna kepada pelajar dan guru

DELEGASI Pusat Tingkatan Enam Belait (PTEB) yang terdiri daripada 12 orang pelajar Tahun 13, diiringi oleh tiga orang guru kanan PTEB ke Temasek Junior College (TJC), Republik Singapura yang bermula dari 26 hingga 30 Mei 2025.

terhadap persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang berbeza, di samping memupuk persefahaman rentas budaya.

Melalui kerjasama akademik dan aktiviti kolaboratif, program tersebut juga menggalakkan pertukaran kaedah pengajaran, pemikiran kritis, kreativiti serta kemahiran menyelesaikan masalah.

Pelajar turut berpeluang menghadiri sesi pembelajaran, menyertai aktiviti kebudayaan bersama rakan mereka di TJC dan melawat tempat-tempat menarik di Republik Singapura.

Inisiatif ini selaras dengan komitmen Kementerian dalam memperluas wawasan global pelajar serta memperkukuh hubungan kerjasama pendidikan di peringkat antarabangsa.

Turut hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, serta ibu bapa dan ahli keluarga pelajar.

TEROKA PELUANG KERJAYA DALAM SEKTOR PELANCONGAN



■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Mei. - Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), dengan kerjasama Program Hala Tuju dan Eksplorasi Kerjaya 2025 Kementerian Pendidikan, sedang giat melibatkan pelajar-pelajar Sekolah Menengah melalui Career Talk Roadshow.

Pada bulan Mei 2025, JKP mengadakan jerayawara di beberapa buah sekolah menengah, termasuk Sekolah Menengah Katok, Sekolah Menengah Awang Semaun, Sekolah Menengah Sayyidina Ali

(SMSA), Sekolah Menengah Lambak Kiri, Sekolah Menengah Menglait Gadong, dan Sekolah Menengah Rimba.

Lebih 273 pelajar dari aliran Travel and Tourism, Geografi serta Food and Nutrition meraih pemahaman mendalam mengenai peluang kerjaya yang pelbagai dan dinamik dalam industri hospitaliti dan pelancongan.

Sesi-sesi tersebut memberikan bimbingan praktikal mengenai perkembangan kerjaya dan gambaran menyeluruh mengenai sektor ini, sekali gus melengkapkan pelajar dengan panduan yang lebih jelas untuk mengejar laluan

profesional dalam bidang tersebut.

Program berkenaan juga menampilkan tetamu jemputan dari pemain industri utama, termasuk Persatuan Hotel Brunei, Dar El-Ehsan Travel, Royal Brunei Culinary, dan Borneo Twitchers Tours and Travel Sendirian Berhad.

Para profesional industri berkenaan mengongsikan pengalaman dunia sebenar dan menyerlahkan kemahiran serta kelayakan penting untuk berjaya dalam kerjaya Pelancongan, dan Seni Kulinari.

Bertujuan untuk memperkasa pelajar membuat keputusan akademik dan kerjaya yang berinformasi, program ini

SESI mengongsikan pengalaman dan menyerlahkan kemahiran serta kelayakan penting untuk berjaya dalam kerjaya pelancongan dan Seni Kulinari melalui Career Talk Roadshow.

menawarkan bimbingan kerjaya yang disesuaikan dengan kemahiran, kelayakan, dan minat individu.

Ia menyokong pelajar dalam menetapkan matlamat, meneroka laluan pendidikan pasca menengah (tempatan dan antarabangsa) serta mendapatkan maklumat tentang biasiswa kerajaan dan sektor swasta.

Awang Haji Muhammad Abdul Wafiy bin Haji Mohd. Yakop, seorang guru di Sekolah Menengah Rimba, berkongsi pandangannya: "Taklimat ini memberi inspirasi dan pemahaman yang jelas kepada pelajar mengenai peluang luas yang ditawarkan oleh industri pelancongan. Diharapkan sesi-sesi ini dapat menarik minat yang lebih besar dalam kalangan pelajar, menggalakkan mereka untuk mempertimbangkan pelancongan sebagai laluan kerjaya yang berdaya maju. Adalah baik jika tempoh sesi dilanjutkan untuk membolehkan lebih banyak interaksi pelajar. Terima kasih

kepada semua pembicara atas sumbangan berharga mereka. Kami berharap dapat mendengar dari mereka lagi."

Dayang Nur Haziqah Shakila binti Mohd. Noor Heini pula, pelajar dari SMSA, menjelaskan: "Sesi ini sangat menarik dan memberi inspirasi. Ia telah mendorong saya untuk meneroka kemungkinan kerjaya dalam industri hospitaliti dan pelancongan. Melalui taklimat ini, saya menjadi lebih sedar tentang peluang yang tersedia, dan kini saya lebih berminat untuk mengejar kerjaya dalam bidang ini."

JKP sangat komited untuk memperluas kerjasama dengan institusi pendidikan di seluruh Negara Brunei Darussalam dan dengan rakan industri untuk mengadakan lebih banyak ceramah kerjaya.

Usaha ini bertujuan untuk memperluas pemahaman pelajar mengenai laluan kerjaya yang pelbagai dalam sektor hospitaliti dan pelancongan serta mengukuhkan hubungan antara pendidikan dan industri.

Jabatan juga berhasrat untuk memperluas usaha jangkauan ini kepada orang ramai, menggalakkan penglibatan yang lebih luas dengan industri pelancongan dan peluangnya.

Ke arah melahirkan pendakwah muda



AKADEMI DA'WAH
ESTD 2016 • 1438
PENDAFTARAN KINI DIBUKA
<https://bit.ly/AkademiDawah5>
TARIKH TUTUP PENDAFTARAN :
4 ZULHIJAH 1446H | 1 JUN 2025



Syarat Penyertaan:-

- Belia berumur 18 - 35 tahun
- Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam (Kad Pengenalan Kuning & Ungu)
- Tidak dibukakan kepada Alumni AD

Yuran Program BND50

*Sebarang pertanyaan sila hubungi Talian Belia Da'ie +673 720 9170

“ BERDA'WAH DENGAN ILMU DAN IMAN. BERAKHLAK MULIA JADI DA'IE TAULADAN ”



Tarikh-tarikh Penting:-

Sesi	Tarikh	KEHADIRAN PESERTA
Sesi Pertama	12-13 Jun 2025	5.30 petang
Sesi Kedua	21-22 Jun 2025	
Sesi Ketiga	05-06 Julai 2025	JAM TAMAT SETIAP SESI
Sesi Keempat	12-13 Julai 2025	12.00 tengah hari (esoknya)
Majlis Penutup	03 Ogos 2025	

*** Peserta dikehendaki untuk bermalam setiap sesi

• Bertempat di Pusat Da'wah Islamiah, Kg Pulaie

*Sebarang pertanyaan sila hubungi Talian Belia Da'ie +673 720 9170

“ BERDA'WAH DENGAN ILMU DAN IMAN. BERAKHLAK MULIA JADI DA'IE TAULADAN ”

Oleh : Marlinawaty Hussin
Infografik : Ihsan Badan Sukarelawan Belia Da'ie

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Mei. - Badan Sukarelawan Belia Da'ie dengan kerjasama Urus Setia Program Keugamaan Belia (PKB), Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, akan mengadakan Program Akademi Da'wah Kelima, yang memberi tumpuan kepada usaha memperkasa belia melalui pendekatan dakwah yang tajam, kritis dan inovatif demi mendorong perubahan positif dalam masyarakat.

Program tersebut bertujuan melahirkan golongan pendakwah muda sebagai barisan pelapis yang akan memastikan kesinambungan usaha da'ie teras, di samping meningkatkan kesedaran dalam kalangan belia mengenai kepentingan mendalami ilmu

agama, membina pemikiran kritis serta memupuk inovasi di bawah bimbingan para asatizah yang bertauliah.

Selain itu, program juga ingin melahirkan da'ie yang mampu melaksanakan dakwah mengikut bidang dan kemampuan masing-masing.

Ia turut berperanan sebagai satu bentuk pendedahan kepada masyarakat umum mengenai penubuhan belia da'ie sebagai wadah untuk berdakwah, khususnya dalam kalangan generasi muda.

Program berkenaan mula diperkenalkan pada tahun 2017 dan telah berjaya menarik penyertaan lebih 200 belia dari pelbagai latar belakang pengajian dan profesional.

Program ini diharap dapat menjadi pencetus dan pemangkin ke arah belia rabbani demi mencapai negara *Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur* dengan membawa tema 'Berdakwah dengan Ilmu dan Iman, Berakhlak Mulia Jadi Da'ie Tauladan'.

Tarikh tutup pendaftaran bagi menyertai program tersebut ialah pada 4 Zulhijah 1446 Hijrah bersamaan 1 Jun 2025 Masihi.

Yuran pendaftaran pula sebanyak BND50.

Penyertaan dibuka kepada 40 orang belia terdiri daripada warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang berumur antara 18 hingga 35 tahun dan memegang Kad Pengenalan Kuning atau Ungu.

Sesi Pertama program tersebut akan berlangsung pada 12 hingga

13 Jun 2025, diikuti Sesi Kedua pada 21 hingga 22 Jun 2025.

Sesi Ketiga dijadualkan pada 5 hingga 6 Julai 2025, manakala Sesi Keempat akan diadakan pada 12 hingga 13 Julai 2025.

Majlis Penutup akan berlangsung pada 3 Ogos 2025.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Belia Da'ie Brunei menerusi talian +673 7209170.

PPDB akan adakan Latihan Hutan Brusing

■ Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Mei. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) akan mengadakan Latihan Hutan Brusing pada Selasa, 3 Jun 2025 hingga Ahad, 29 Jun 2025, bertempat di Kampung Betailan dan Kampung Selapan, Daerah Temburong.

Sehubungan dengan itu, orang ramai dinasihatkan agar tidak berasa cemas dan tidak menghampiri tempat latihan berkenaan bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku di sepanjang latihan berkenaan dijalankan yang mana latihan tersebut akan dijalankan menggunakan bahan letupan.

Muka 8

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 19 Mei, 1965.

JULONG2 KURSUS PEMIMPIN2 BELIA DALAM SEJARAH NEGARA BERJAYA

SERIA. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun telah merasmikan pembukaan Kursus Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada pagi hari Ahad 16 Mei, 1965

Seri Paduka Yang Teramat Mulia Duli Timbalan Sultan, Duli Pengiran Pemancha telah berchemar duli ka-majlis tersebut dan juga telah bersabda di-majlis itu.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamis; Pegawai2 Kanan Kerajaan; Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri dan Daerah serta ramai para jemputan telah hadir di-majlis tersebut.

Ini-lah julong2 kali dalam sejarah Negeri Brunei kursus sademikian di-adakan. Kursus itu di-anjorkan oleh Jabatan Kebajikan Masharakat Negara, Brunei dengan mendapat sambutan yang baik dari kalangan Persatuan2 Belia di-negeri ini.

Seramai kira2 200 orang wakil2 dari kira2 30 buah Persatuan2 Belia telah mengambil bahagian dalam kursus itu.

Majlis pembukaan rasmi kursus tersebut di-mulai dengan ucapan oleh Setia Usaha Tetap kursus itu, Awang Zulkiflie bin Haji Abdullah. Kemudian ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Pengerusi Jawatan Kuasa Kerja kursus tersebut, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin dan oleh Pegawai Kebajikan Masharakat Negara, Brunei, Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri yang menjadi Pengerusi Kursus tersebut.

Sa-lepas itu Seri Paduka Yang Teramat Mulia Timbalan Sultan, Duli Pengiran Pemancha telah bersabda.

Kemudian Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun telah melafadzkan uchap-

an dan saterus-nya merasmikan pembukaan Kursus Pemimpin2 Belia tersebut.

Majlis itu di-akhiri dengan Bachaan Do'a Selamat oleh Sahibul Fadhillah Kadhi Daerah Tutong. Yang Di-Muliakan Pehin Began Khatib Haji Matali.

Kursus tersebut telah di-mulai pada petang hari Sabtu 15 Mei dan akan tamat pada pagi hari Sabtu 22 Mei.

Ucapan Penutup Kursus akan di-lafadzkan oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, pada pukul 8.30 pagi 22 Mei.

IKRAR BELIA

KAMI BERIKRAR akan menumpukan ta'at setia yang tidak berbelah bagi kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Negeri Brunei.

Kami berikrar akan berjalan di atas Dasar Kerajaan yang menjamin hak-hak seluruh rakyat.

Kami berikrar untuk berikhtiar sa-berapa daya yang boleh akan mencari jalan kaarah persatupaduan antara pemuda-pemudi dengan tidak mengira bangsa atau kepercayaan masing2.

Ikrar tersebut telah di-buat oleh Pemimpin2 Persatuan2 Belia dari seluruh Negeri Brunei di-majlis pembukaan rasmi Kursus Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada pagi hari Ahad 16 Mei, 1965.



Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun, kelihatan dalam gambar ini memberikan ucapan sa-belum beliau merasmikan pembukaan Kursus Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada pagi hari Ahad 16 Mei, 1965.

Pemangku S. U. K. Merasmikan Pembukaan Seminar Sains

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Brunei Awang Mohamed Taib bin Awang Besar telah merasmikan pembukaan Seminar Sains di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada pagi hari Selasa 18 Mei, 1965.

Seminar Sains itu di-adakan di bawah dokongan Jabatan Pelajaran Negeri Brunei dan akan tamat pada hari Khamis 20 Mei.

Tujuan di-adakan Seminar Sains itu, di-samping hendak menaikkan kemajuan dan perkembangan Pengajaran Sains dalam negeri ini, ia-lah hendak memperluaskan sokongan2 atau nasihat2 Perjumpaan Ahli2 Sains yang telah di-adakan di-Manila dalam bulan Disember tahun 1964.

Seminar itu ia-lah berikutan dengan kehadiran dua orang wakil dari Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dan sa-orang wakil dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-perjumpaan Ahli2 Sains di-Manila itu.

Perjumpaan tersebut telah di-adakan di-bawah lindongan Gabungan

Persekutuan Guru2 Sa-Dunia, yang Persekutuan Guru2 Melayu Brunei menjadi ahli-nya.

Perjumpaan itu telah di-arahkan bagi membincang dan membuat sokongan atau nasihat mengenai rancangan2 bagi memperbaiki atau menyempurnakan Pengajaran Sains di-Darjah Rendah dan Menengah Bawah dalam Kawasan Asia.

Turut memberikan ucapan di-majlis pembukaan rasmi Seminar Sains tersebut ia-lah Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Awang Malcolm MacInnes; Wakil Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, Chegu Abdul Wahab Mohamed; Pengerusi Seminar Sains itu, Awang S. Thangarajah dan oleh Awang Balwant Singh, Setia Usaha Seminar itu.

SAMBUTAN HARI TENTERA ASKAR MELAYU BRUNEI

BERAKAS. — Satu Istiadat Perbarisan sa-bagai menyambut Hari Tentera, Askar Melayu Brunei akan di-adakan di-Perkhemahan Askar Melayu Brunei di-Berakas pada hari Isnin 31 Mei, 1965 mulai pada pukul 7.30 pagi.

Menurut penerangan sa-orang Juruchakap Askar Melayu Brunei, Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin yang pada masa ini bersemayam di-United Kingdom akan kembali ka-Brunei sa-belum penghujung bulan ini dan Baginda akan berchemar duli ka-Istiadat Perbarisan tersebut.

Mulai pada pukul 2.30 petang hari tersebut pula, satu temasha Pasar Gembira akan di-adakan di-Perkhemahan Askar Melayu Brunei.

Berbagai2 jenis permainan, bukan sahaja untuk kanak2 bahkan untuk orang2 dewasa juga, akan di-adakan di-Pasar Gembira itu.

Pasar Gembira itu ada-lah terbuka kepada orang ramai dengan tidak mengenakan sa-barang bayaran pun.

Menurut penerangan Juruchakap itu lagi, Askar Melayu Brunei akan menyediakan kenderaan untuk membawa orang ramai dari Bandar Brunei ka-Berakas Kem pada hari tersebut dan menghantarkan mereka balek ka-Bandar Brunei sa-lepas menghadiri temasha tersebut.

BALEK DARI MEKAH

BANDAR BRUNEI. — Seramai 60 orang jema'ah2 Haji Brunei yang telah belayar dari Jeddah ka-Singapura dalam kapal Haji pelayaran pertama telah balek ka-Tanah Ayer baharu2 ini sa-lepas menunaikan fardhu Haji.

Di-antara jema'ah2 Haji itu ia-lah Setia Usaha Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin. Beliau telah bertugas sa-bagai Pensharah Ugama dalam kapal Haji itu.

KELEPASAN SEKOLAH2

BANDAR BRUNEI. — Sekolah2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei telah di-tutup kerana Chuti Penggal Pertama pada hari Juma'at 14 Mei dan akan di-buka sa-mula pada hari Ahad 23 Mei.

Sekolah2 Inggeris Kerajaan pula telah di-tutup kerana Chuti Penggal Pertama pada hari Juma'at 14 Mei dan akan di-buka sa-mula pada hari Isnin 24 Mei.



Gambar ini di-ambil di-majlis pembukaan rasmi Kursus Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada pagi hari Ahad 16 Mei, 1965. Dalam gambar ini kelihatan Setia Usaha Jabatan Hal-Ehwal Ugama Negeri Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin beruchap di-majlis tersebut selaku Pengerusi Jawatan Kuasa Kerja Kursus Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei.

OPERASI WASPADA : 6 KESALAHAN AKTA PEKERJAAN DIKESAN



BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh semasa menjalankan Operasi Waspada 104/2025 di Mukim Gadong 'B'.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Mei. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Waspada 104/2025 di Mukim Gadong 'B' baru-baru ini, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas kegiatan Establismen Kecantikan dan Kesihatan telah mendapati sebanyak enam kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan iaitu Bab 39 (1) Majikan gagal membuat pembayaran gaji pekerja pada waktu yang telah ditetapkan di mana majikan didapati gagal dan lambat

membuat pembayaran gaji kepada pekerjaannya melebihi 5 bulan, Bab 39 (2) Majikan gagal membayar gaji lebih masa pekerja, Bab 70 Majikan gagal memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang diwartakan, Bab 71 Majikan gagal memberikan cuti tahunan, Bab 72 Gagal memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan dan Bab 116 Gagal menghantar balik pekerja ke tempat asalnya atau ke tempat dia diambil bekerja.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan.

Jika gagal membayar denda

kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti pembayaran gaji tepat pada waktunya, memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang telah diwartakan, memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan dan memberikan hak cuti tahunan kepada pekerja serta membiayai tiket balik pekerja yang sudah tamat kontrak perkhidmatan.

Untuk makluman lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Mei. - Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan di

Akibat memiliki pelbagai jenis rokok, minuman keras

sini menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND27,860 atau 18 bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda berkenaan terhadap seorang lelaki warganegara Bangladesh atas dua pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret Abdul 'Azim bin Othman memutuskan hukuman terabit selepas Md. Deluar

Hossain, 41 tahun mengaku bersalah atas kesalahan kerana memiliki 21 karton, 26 paket dan 19 batang rokok dan 36 tin minuman keras pelbagai jenis tanpa kebenaran yang sah.

Bagi tuduhan pertama, Md. Deluar Hossain dihukum denda sebanyak BND22,860 atau 13 bulan pemenjaraan jika gagal membayar keseluruhan denda.

Manakala tuduhan kedua, Md.

Deluar Hossain dihukum denda sebanyak BND5,000 atau lima bulan pemenjaraan jika gagal membayar keseluruhan denda.

Defendan ditangkap di rumah pekerja Kampung Sengkurong oleh Pegawai-pegawai Pencegah Kastam, Unit Operasi (Cawangan Brunei dan Muara), Bahagian Komersial dan Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja pada 13 Mei

2025, jam 8.15 malam.

Semua barang yang terlibat, iaitu rokok dan minuman keras dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan pelupusan. Manakala, wang tunai terlibat berjumlah BND1,188 berserta satu unit telefon bimbit juga dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan bagi tindakan selanjutnya.

MINDA PEMBACA

Impak kenaikan kos sara hidup

KENAIKAN kos sara hidup merupakan isu global yang turut menjejaskan Negara Brunei Darussalam (NBD). Walaupun kadar inflasi negara menurun 0.4 peratus pada tahun 2024 berbanding tahun 2023, akan tetapi harga barang keperluan makanan dan minuman ringan meningkat 0.5 peratus, menandakan beban kewangan masih dirasakan oleh pengguna.

Secara global, krisis kos sara hidup memberi tekanan kepada isi rumah, meningkatkan stres dan menjejaskan kesihatan mental. Kajian bebas mendapati di rantau ASEAN, 97 peratus pengguna melaporkan

perubahan corak perbelanjaan dengan lebih banyak berbelanja untuk keperluan asas dan mengurangkan pembelian bukan keperluan.

Sektor runcit di NBD telah mencatatkan penurunan sebanyak 3.5 peratus dalam hasil jualan pada tahun 2024, yang mencerminkan perubahan dalam corak perbelanjaan pengguna dan pengurangan permintaan domestik. Dalam pada itu, walaupun kadar pekerjaan dalam negara bertambah, kos sara hidup yang tinggi terus menjadi kebimbangan. Data terkini menunjukkan lebih 4,000 kekosongan pekerjaan ditawarkan, tetapi majoritinya tidak memerlukan

kelayakan tinggi, yang mana menunjukkan ketidakpadanan antara kelulusan dan peluang pekerjaan.

Sebagai langkah ke hadapan, kerajaan boleh memperkukuh dasar subsidi dan kawalan harga bagi barang asas bagi meringankan beban kos sara hidup terutamanya ketika harga barangan asas meningkat. Di samping itu, pendidikan dan latihan kemahiran yang selari dengan keperluan industri, seperti pelancongan, teknologi, pertanian dan agrikulturan, perlu diperluas dan dipertingkatkan.

Pelaburan dalam teknologi dan infrastruktur digital juga penting bagi meningkatkan daya saing ekonomi

negara. Kesedaran tentang pengurusan kewangan dan gaya hidup sihat perlu digalakkan bagi membantu rakyat menyesuaikan diri dengan tekanan kos sara hidup. Dengan pendekatan bersepadu dan sokongan menyeluruh, NBD boleh menangani cabaran ini secara berkesan sambil memastikan kesejahteraan sosial dan ekonomi rakyat adalah terpelihara.

Nama : Haji Muhammad Ihsanuddin Idz'aan bin Haji Mohd. Salleh
No. K/P : 01-065XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kesan Pemanasan Global Terhadap Kehidupan Harian.' Tarikh Tutup : 28 Mei 2025
2. 'Keberkesanan Pembelajaran Digital.' Tarikh Tutup : 4 Jun 2025
3. 'Pencemaran Sungai dan Tanggungjawab Bersama.' Tarikh Tutup : 11 Jun 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.

atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



Pastikan sumber kewangan mencukupi, bagi masa depan yang cerah

Di era globalisasi dan modenisasi ini, kebaikan amalan menabung dalam kalangan masyarakat tidak dapat disangkal lagi. Hal ini kerana kehidupan rakyat di negara kita dilihat kian terbeban dengan kos hidup yang kian meningkat. Masyarakat dilihat kurang memberi respons yang baik atau tidak berminat terhadap amalan menabung walaupun kaedah menabung masa kini adalah selamat dan terjamin berbanding masa lalu. Untuk mencapai kehidupan yang selesa, kita mesti bersedia secara fizikal dan mental tanpa mengabaikan aspek kewangan terutamanya.

Pada 28 Mei 2015, semasa Majlis Pembukaan Rasmi Hari Authoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD telah mengisytiharkan tarikh 28 Mei sebagai Hari Menabung Kebangsaan, yang mana mencerminkan matlamat untuk membangunkan generasi yang berkemahiran dan boleh berdikari dari segi kewangan.

Tanam budaya menabung

Budaya menabung adalah satu amalan yang terpuji yang perlu ditanamkan ke dalam diri setiap individu sebaiknya dari peringkat awal lagi. Seperti mana jua peribahasa 'Sediakan Payung Sebelum Hujan', wang simpanan ini boleh digunakan sebagai dana kewangan jika diperlukan, apatah lagi semasa kecemasan dan pada situasi-situasi yang tidak dijangkakan.

Dalam era yang semakin maju ini, amalan menabung sangat penting untuk memastikan masa hadapan yang sejahtera bagi setiap keluarga. Ia adalah satu cara untuk memastikan bahawa keluarga memiliki sumber kewangan yang mencukupi, dapat mengatasi waktu kecemasan dan mengelakkan pembaziran. Ibu bapa harus mengamalkan amalan menabung supaya anak-anak mereka dapat memahami dan mengikuti langkah mereka. Menabung adalah salah satu cara untuk memastikan masa depan yang cerah bagi setiap keluarga.

Untuk memulakan amalan menabung, kita perlu menentukan matlamat diri kita dan memastikan bahawa kita memiliki jumlah wang yang seimbang untuk ditabung setiap bulan dan perlu memastikan bahawa kita menetapkan matlamat yang realistik dan sesuai dengan situasi kewangan diri kita.

Amalan menabung membantu memastikan sumber kewangan yang cukup untuk masa hadapan seseorang atau keluarga. Tanpa sumber kewangan yang baik, masa depan yang cerah juga tidak terjamin. Amalan ini juga membantu dalam masa kecemasan bekalan wang seperti bencana alam atau kematian tiba-tiba. Amalan menabung juga dapat mengelakkan pembaziran dan membantu membentuk sikap yang bijak dan rasional dalam membuat pilihan.

Jadikan suri teladan

Ibu bapa yang mengamalkan amalan menabung akan menjadi suri teladan kepada anak-anak mereka dan memberikan pengaruh yang baik untuk generasi akan datang. Amalan menabung membantu membentuk disiplin dalam pengurusan kewangan dan memberikan keyakinan yang

kukuh bagi masa hadapan yang lebih baik.

Menjadi suri teladan anak adalah kepentingan terakhir amalan menabung bagi sesebuah keluarga. Setiap ibu bapa harus mengamalkan amalan menabung supaya anak mereka dapat memahami dan mengikuti langkah mereka. Ibu bapa yang mengamalkan amalan menabung sejak kecil akan memastikan bahawa anak-anak mereka juga mengetahui betapa pentingnya menabung.

Dengan semua manfaat yang diterangkan, amalan menabung sangat penting bagi setiap keluarga. Ia membantu memastikan kebajikan dan masa depan yang cerah bagi setiap ahli keluarga. Oleh itu, setiap keluarga harus mengamalkan amalan menabung dan mempromosikan kelebihannya kepada masyarakat.

Rancang kewangan dengan teratur

Selain itu, amalan menabung juga memerlukan seseorang itu untuk membuat pengaturan kewangan yang baik. Ini bermakna awda perlu memastikan bahawa awda memiliki dana yang cukup untuk memenuhi keperluan asas seperti makan, pakaian, dan perumahan sebelum memulakan amalan menabung.

Amalan menabung juga memerlukan kita untuk mengelak dari membuat pembelian yang tidak perlu. Untuk memastikan bahawa amalan menabung berjalan dengan lancar, ada beberapa langkah yang perlu diambil. Pertama, kita perlu memastikan bahawa kita memiliki sumber pendapatan yang stabil. Ini adalah asas bagi amalan menabung yang berjaya. Kedua, perlu membuat anggaran bulanan dan memastikan bahawa tidak terdapat perbelanjaan yang melebihi had yang ditetapkan. Ini adalah penting kerana ia

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

membolehkan kita mengetahui berapa banyak yang kita boleh simpan setiap bulan.

Kita juga perlu memastikan dalam memantau kemajuan amalan menabung kita secara berterusan. Ini adalah penting kerana ia membolehkan kita mengetahui berapa banyak yang telah tersimpan dan berapa banyak lagi yang perlu untuk disimpan bagi mencapai matlamat kewangan kita.

Akhir sekali, kita juga perlu memastikan bahawa diri kita tidak terlalu keras kepada diri sendiri. Amalan menabung memerlukan usaha dan kesabaran. Oleh itu, kita perlu memberi diri kita sendiri masa untuk beradaptasi dan memastikan bahawa diri kita membuat pembayaran yang realistik. Jangan terlalu keras kepada diri sendiri dan pastikan bahawa awda berpuas hati dengan kemajuan yang awda capai.

Dengan melihat contoh yang baik, anak-anak akan belajar untuk memperbanyak simpanan mereka dan tidak membuang wang dengan membeli barang-barang yang tidak perlu. Ini akan membantu mereka dalam membangun tabung simpanan mereka dan menghindari masalah kewangan di masa depan.

Sebagai kesimpulan, amalan menabung memainkan peranan yang sangat penting bagi sesebuah keluarga. Ia memastikan kewangan masa hadapan yang sejahtera, membantu mengatasi waktu kecemasan, mengelakkan pembaziran dan menjadi suri teladan yang baik bagi generasi akan datang. Oleh itu, setiap keluarga harus memulakan amalan menabung secepat mungkin untuk menjamin masa depan yang cerah.





PERHIMPUNAN KESIHATAN SEDUNIA LULUS CADANGAN KIBAR BENDERA PALESTIN DI IBU PEJABAT, PEJABAT WHO

GENEVA, 27 Mei. - Perhimpunan Kesihatan Sedunia (WHA) pada Isnin meluluskan usul bagi

membenarkan bendera negara pemerhati bukan ahli dikibarkan di

ibu pejabat dan pejabat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), lapor Anadolu Ajansi (AA).

Langkah itu membuka jalan untuk bendera Palestin dikibarkan bersama-sama bendera negara anggota WHO yang lain. Usul itu diluluskan dengan 95 undi menyokong, empat menentang - iaitu Israel, Hungary, Republik Czech dan Jerman - serta 27

berkecuali.

Menurut resolusi itu, bendera negara pemerhati bukan ahli di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) akan disusun selepas bendera negara anggota WHO, mengikut abjad.

Resolusi itu turut menegaskan bahawa langkah ini tidak memberi implikasi kepada status keahlian dalam organisasi berkenaan.

Perbincangan tertumpu kepada bendera Palestin secara khusus, dengan Resolusi 70/15 Perhimpunan Agung PBB dijadikan asas perundangan.

Draf resolusi berkenaan dikemukakan oleh 20 buah negara termasuk Malaysia, Algeria, Indonesia, Turkiye serta beberapa negara Arab dan Afrika. - ©BERNAMA

Filipina perkukuh hubungan serantau dengan Viet Nam, Laos, melalui perkongsian dipertingkatkan

KUALA LUMPUR, 27 Mei. - Filipina terus memperkukuh hubungan serantau dengan Viet Nam dan Laos menerusi peluasan kerjasama dua hala, susulan pertemuan Presiden Ferdinand R. Marcos Jr. dengan pemimpin kedua-dua negara itu di luar Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 di Malaysia pada Isnin, lapor Agensi Berita Filipina (PNA).

Dalam pertemuan dengan Perdana Menteri Viet Nam, Pham Minh Chinh, Marcos berkata kedua-dua negara sedang meneliti kemungkinan untuk menaik taraf hubungan kerjasama strategik sedia ada kepada tahap perkongsian strategik komprehensif.

"Para menteri kedua-dua negara sedang berbincang mengenai kemungkinan menaik taraf kerjasama strategik kepada perkongsian strategik komprehensif. Saya percaya perbincangan yang dijalankan kini sangat membina," katanya.

Pham menyambut baik kemajuan hubungan dua hala sejak lawatan rasmi Marcos ke Viet Nam pada Januari 2024 dan menyatakan harapan agar kerjasama itu dapat dipertingkatkan.

Kedua-dua pemimpin turut membincangkan pengukuhan kerjasama dalam bidang perdagangan, pertanian, keterjaminan makanan, pelancongan, pendidikan dan pertukaran kebudayaan. Marcos turut menyampaikan ucapan takziah atas pemergian bekas Presiden Viet Nam, Tran Duc Luong.

Dalam pertemuan berasingan, Marcos dan Perdana Menteri Laos, Sonexay Siphandone menegaskan komitmen untuk mempererat kerjasama dua hala sempena ulang tahun ke-70 hubungan diplomatik antara Filipina dan Laos.

Kedua-dua pemimpin mengenal pasti beberapa sektor utama untuk kerjasama lebih mendalam, termasuk perdagangan, pendidikan, pertahanan, inovasi digital, pertanian, pembangunan kemahiran dan pelancongan.

Marcos turut menekankan potensi peluasan hubungan dagangan, dengan mengambil kira pertumbuhan pesat ekonomi Laos.

Nilai dagangan dua hala meningkat hampir dua kali ganda, daripada US\$7 juta pada 2019 kepada sekitar US\$13.72 juta pada 2024. Beliau turut mencadangkan penerbangan terus antara Manila dan Vientiane bagi merancakkan sektor pelancongan dan meningkatkan keterhubungan.

Siphandone memuji sumbangan komuniti Filipina di Laos - yang kini berjumlah lebih 2,000 orang - terutamanya dalam bidang pendidikan, penyelidikan dan seni bina.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada kerajaan Filipina atas sokongan yang diberikan kepada Kementerian-kementerian Laos melalui penawaran biasiswa dan latihan bahasa.

Perdana Menteri Laos itu juga mengalu-alukan pelaburan Filipina dalam sektor keutamaan negara itu termasuk tenaga bersih, teknologi maju, perkhidmatan kesihatan dan infrastruktur.

Sementara itu, Siphandone turut menyampaikan jemputan rasmi kepada Marcos untuk mengadakan lawatan negara ke Laos, sebagai isyarat ke arah agenda kerjasama yang lebih luas pada masa hadapan. - ©BERNAMA

Trump tangguh kenaikan tarif EU kepada 9 Julai selepas perbincangan dengan von der Leyen

ISTANBUL, 26 Mei. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump bersetuju menangguhkan pelaksanaan tarif sebanyak 50 peratus ke atas barangan Kesatuan Eropah (EU) kepada 9 Julai, susulan perbualan telefon dengan Presiden Suruhanjaya Eropah Ursula von der Leyen, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Menerusi hantaran di platform Truth Social pada Ahad, Trump berkata von der Leyen memohon lanjutan tempoh itu semasa perbualan mereka dan menyatakan bahawa rundingan "akan dimulakan dengan segera."

Beliau menyifatkan keputusan memberikan penangguhan itu sebagai satu 'keistimewaan'.

Von der Leyen turut mengesahkan panggilan telefon berkenaan dan berkata EU bersedia bertindak 'dengan pantas dan tegas' bagi memajukan rundingan perdagangan.

"Untuk mencapai perjanjian yang baik, kami memerlukan masa sehingga 9 Julai," katanya.

Terdahulu, Trump mengancam untuk mengenakan tarif tinggi itu bermula 1 Jun, dengan alasan wujudnya amalan dan halangan perdagangan tidak adil yang menjejaskan syarikat-syarikat AS.

Kenyataan terbabit menunjukkan ketegangan perdagangan antara Washington dan Brussels buat sementara waktu mereda, meskipun perbezaan antara masih wujud berhubung tarif, subsidi dan piawaian kawal selia. - ©BERNAMA

Suri rumah rugi lebih RM100,000 diperdaya sindiket tawaran kerja tidak wujud

DUNGUN, 27 Mei. - Seorang suri rumah kerugian RM112,206 selepas diperdaya sindiket tawaran kerja tidak wujud dalam talian, minggu lepas.

Ketua Polis Daerah Dungun Supt Maizura Abdul Kadir berkata wanita berusia 27 tahun itu pada mulanya melihat iklan tawaran kerja oleh sebuah syarikat kraf tangan di laman sosial Facebook pada 19 Mei.

Beliau berkata mangsa

kemudian berhubung dengan suspek dan memberikan maklumat peribadi untuk tujuan pendaftaran sebelum diminta membuat bayaran RM100 sebagai permulaan tugas pelaburan.

"Selepas itu, mangsa dimasukkan ke dalam satu kumpulan WhatsApp yang menawarkan komisen besar untuk satu-satu tugas," katanya dalam kenyataan hari ini.

Maizura berkata suri rumah itu

telah membuat 28 transaksi wang ke 10 akaun bank berbeza berjumlah RM112,206 menggunakan wang simpanannya, sebelum menyedari ditipu setelah suspek enggan membuat pembayaran balik dengan alasan akaun syarikat dibekukan.

"Mangsa membuat laporan polis semalam. Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya. - ©BERNAMA

19 cedera, lebih 250 rumah rosak akibat puting beliung di selatan Chile

SANTIAGO, 27 Mei. - Presiden Chile, Gabriel Boric dijadual mengunjungi bandar selatan Puerto Varas pada Isnin selepas puting beliung luar biasa melanda kawasan itu pada Ahad, mengakibatkan 19 orang cedera selain lebih 250 rumah rosak serta tiang elektrik dan pokok tumbang, lapor Xinhua.

Puting beliung kuat itu mengejutkan kira-kira 45,000 penduduk bandar yang terletak di pinggir Tasik Llanquihue dan berhampiran beberapa gunung berapi.

Susulan kejadian itu, Boric

mengumumkan bahawa kerajaan akan melaksanakan langkah kecemasan bagi mempercepatkan penilaian kerosakan terhadap rumah dan harta benda, sambil memaklumkan bahawa 'pelbagai agensi kerajaan sedang bekerjasama dalam kerja-kerja pembersihan runtuhan'.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Victor Ramos memaklumkan kepada media pada Isnin bahawa mangsa yang cedera sedang menerima rawatan dan 'bekalan air minuman pulih sepenuhnya manakala sistem bekalan elektrik telah dipulihkan 85 peratus'.

Perkhidmatan meteorologi Chile memaklumkan bahawa fenomena luar biasa itu mencatatkan kelajuan angin sehingga 180 kilometer sejam.

Perkhidmatan Negara untuk Pencegahan dan Tindak Balas Bencana (Senapred) telah mengisytiharkan amaran merah di kawasan berkenaan bagi memantau fenomena cuaca itu secara berterusan, menyebabkan pihak berkuasa tempatan menangguhkan sesi persekolahan pada Isnin serta menyediakan pusat perlindungan untuk mangsa yang terjejas. - ©BERNAMA

China, Indonesia eratkan kerjasama tumpu projek ikonik

JAKARTA, 26 Mei. - China dan Indonesia bersedia meningkatkan penyelarasan dalam pelaksanaan strategi pembangunan di negara masing-masing serta menumpukan kepada kerjasama yang berkualiti dan projek ikonik di bawah 'Inisiatif Jalur dan Laluan' (BRI).

Sementara itu, kedua-dua pihak perlu meningkatkan kesalinghubungan dalam pasaran dan kerjasama perindustrian, di samping memudahkan pelaburan dan perdagangan, meneroka potensi kerjasama dalam bidang kewangan, sumber tenaga baharu, ekonomi digital, Kecerdasan Buatan (AI), aeroangkasa dan maritim.

Perkara itu dinyatakan Perdana Menteri China, Li Qiang dalam pertemuan bersama Presiden Indonesia, Prabowo di Istana Kepresidenan di sini pagi semalam waktu tempatan.

Menurut Li, China bersedia untuk merancakkan pertukaran sosiobudaya dengan Indonesia, memudahkan mobiliti keanggotaan, meningkatkan kerjasama dalam meningkatkan kehidupan rakyat termasuk

pembasmian kemiskinan dan kesihatan demi manfaat rakyat kedua-dua negara.

"Amalan unilateralisme dan fahaman perlindungan atau *protectionism* yang semakin berleluasa di arena antarabangsa kini sudah menjejaskan tata tertib ekonomi dan perdagangan antarabangsa secara serius.

"Sehubungan itu, China bersedia bersama-sama negara membangun termasuk Indonesia untuk memartabatkan Lima Prinsip Hidup Berdampingan secara Damai dan Semangat Bandung, memperincikan pelaksanaan tiga Inisiatif Global, mempertahankan amalan multilateralisme dan perdagangan bebas, mendorong pembentukan dunia *multipolar* yang setara dan teratur serta globalisasi ekonomi yang inklusif bernilai universal, melindungi kepentingan milik bersama dan memajukan pembangunan keamanan dan kestabilan serantau dan dunia," kata Li.

Sementara itu, Prabowo menyatakan bahawa tahun ini merupakan ulang tahun ke-75 hubungan diplomatik kedua-dua negara.

Indonesia bersedia untuk mengukuhkan perkongsian strategik komprehensif dengan China, mendorong pembinaan bersama komuniti berkongsi nasib Indonesia - China di samping meningkatkan kerjasama dalam bidang pertanian dan ekonomi hijau.

"Saya mengalu-alukan pelaburan syarikat China di Indonesia. Selain itu, Indonesia juga bersedia bersama-sama China untuk melaksanakan kata sepakat tentang penerokaan bersama dalam bidang maritim, dan mendorong rundingan melibatkan 'Kod Tata Laku di Laut China Selatan' (COC) yang bertujuan melindungi keamanan dan kestabilan di perairan terbabit.

"Indonesia berharap agar kerjasama dengan China meningkatkan komunikasi dan koordinasi dalam menangani urusan multilateral, tidak berganjak dari mengamalkan multilateralisme, menentang amalan *protectionism* dan melindungi kepentingan bersama milik negara-negara membangun," kata Prabowo. - ©BERNAMA

CHSK BADMINTON BRUNEI NATIONAL OPEN SERIES 2025 LABUH TIRAI

■ Siaran Akhbar dan Foto : CHSK_Badminton

TUTONG, Isnin, 26 Mei. - CHSK_Badminton Brunei National Open Series 2025 yang telah berlangsung selama empat hari telah melabuhkan tirainya, baru-baru ini.

Lebih 150 peserta bertanding dalam 18 kategori dan lebih 200 perlawanan dipertandingkan pada kejohanan yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Chung Hwa Kiudang, Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Dengan kerjasama EYH United dengan La Vida Brunei secara rasminya mengendalikan kategori Beregu Terbuka Unified Fun Pertama di Brunei di mana EYH

United berharap untuk mempunyai lebih ramai peserta dalam kategori ini dalam siri akan datang.

Chu Xiao Wei dari La Vida Berhad dalam kenyataannya menjelaskan, La Vida Berhad, sebuah syarikat bukan berasaskan keuntungan yang berkhidmat untuk komuniti kurang bernasib baik dan individu berkeperluan khas di Negara Brunei Darussalam, baru-baru ini mencapai kejayaan melalui kerjasamanya dengan EYH United (dahulunya dikenali CHSK Badminton).

"Tujuh pelajar berkeperluan khas dari BEAM La Vida. Program Pengayaan, yang dikenali sebagai 'Beamers', mempunyai peluang unik untuk memerhati, dan mengalami langkah inspirasi kejohanan badminton yang kompetitif dalam memupuk sukan inklusif. Inisiatif ini menandakan satu kejayaan untuk Kategori La Vida's M-for-Movement

(iaitu, Sukan), mempromosikan kebolehcapaian dan pemeraksanaan melalui olahraga adaptif.

Dengan kejayaan ini, La Vida berharap dapat meluaskan peluang untuk individu berkeperluan khas di seluruh negara, menggunakan sukan sebagai alat yang berkuasa untuk penglibatan dan pertumbuhan," tambahnya.

CHSK_Badminton Brunei National Open Series 2025 akan diteruskan dengan siri kedua pada 25-29 Jun 2025.

Untuk maklumat lanjut, layari laman media sosial Instagram rasmi @CHSK_Badminton.

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.



Helang Setia rangkul juara 12 Pekayuh Terbuka



PASUKAN Helang Setia dari Negara Brunei Darussalam (NBD) semasa sesi bergambar ramai setelah memenangi Perlawanan Lumba Perahu Naga bagi Acara 12 Pekayuh Terbuka di Lawas, Sarawak.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Pasukan Helang Setia Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 Mei. - Semangat juang yang kental dan usaha pantang menyerah akhirnya membuahkan hasil buat Pasukan Helang Setia dari Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk memenangi Perlawanan Lumba Perahu Naga bagi Acara 12 Pekayuh Terbuka di Lawas, Sarawak, baru-baru ini.

Para pekayuh Pasukan Helang Setia yang menjuarai kategori berkenaan telah membawa pulang wang tunai RM3,000 berserta piala dan pingat setelah membuktikan dengan berhempas pulas sepanjang 350 meter sehingga kemenangan berpihak kepada mereka sehingga ke garisan penamat.

Pasukan Helang Setia dalam pusingan akhir acara tersebut telah menempatkan Landas Azam Kasihnya Warisan 'B' di tempat kedua sementara Warisan KDKL

Kuala Lawas 'B' memenangi tempat ketiga.

Terdahulu, beberapa peringkat saringan telah diadakan daripada 25 buah pasukan dan Pasukan Helang Setia antara lima finalis yang beraksi pada peringkat akhir. Sebelum bertolak ke Lawas, Pasukan Helang Setia yang disertai oleh penduduk Kampung Setia 'A' dan 'B' yang diketuai oleh Awang Mohammad Amirun Ilmi bin Shahron selaku Ketua Pasukan itu telah rancang dan giat membuat latihan kayuh harian.

Selain itu, mereka juga berlatih dalam meningkatkan lagi stamina menerusi aktiviti larian serta mengadakan Sembahyang Sunat Hajat di Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad, Kampung Setia bagi memohon kelancaran urusan dan seterusnya kejayaan untuk dibawa pulang.

Penyertaan Pasukan Helang

Setia juga pernah mengikuti lumba perahu tradisi dalam negara dan juga Lumba Perahu Naga di luar negara dan semoga kejayaan mereka kecapi itu akan menaikkan semangat kobar mereka untuk terus mempertingkatkan lagi usaha demi terus mengukir banyak kejayaan buat negara pada masa akan datang.

Pertandingan tersebut merupakan julung kali dianjurkan oleh Lawas selaku tuan rumah bertaraf antarabangsa dengan membawakan tema 'Beyond Waves and Dance Rhythms : Celebrating Dragon Boat Racing, Line-Folk Dance and Food Festival' dari 22 sehingga 25 Mei di Tebingan Sungai Lawas.

Selain Pertandingan Lumba Perahu Naga, Persembahan Tarian Kebudayaan dan Nyanyian serta Festival Makanan antara acara utama bagi memeriahkan lagi sepanjang empat hari program itu berlangsung.

Miri FA berada di tangga teratas liga

■ Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 Mei. - Miri FA menguasai carta teratas Kejohanan Liga Bola Sepak Jemputan merebut Piala Lela Cheteria 2025 selepas membelasah Shada FT dengan jaringan 6-1 di Kompleks Sukan Arena, Seria.

Dengan kejayaan berkenaan, Miri FA kini menduduki tangga teratas liga dengan mengutip tujuh mata selepas mencipta dua kali kemenangan dan sekali seri.

Dalam pada itu, Ketua Jurulatih Miri FA, Ismail Lumut menyampaikan penghargaan kepada semua pemain Miri FA yang telah berjaya mengadaptasi perancangan latihan yang diterjemahkan pada pertemuan dengan Shada FT yang menghasilkan kemenangan besar.

"Pemain-pemain juga menayangkan serangan yang berkesan untuk membolosi gawang pasukan lawan.

"Sekalipun menerima cabaran daripada Shada FT, saya mezhahirkan rasa bangga atas aksi konsisten pemain-pemain yang serang menguasai perlawanan dan berharap akan melakukan yang lebih baik terutama set piece dalam permainan yang berkesan pada semua sudut posisi pada perlawanan seterusnya," ujarinya lagi.

Sementara itu, Limbang FA juga berjaya menafikan cabaran Sekolah Sukan FC dengan kedudukan 2 - 0, di Kompleks Sukan Batu Apoi, Temburong.

Presiden Limbang FA, Frederick Lalung Ngilo mengakui pertemuan dengan Sekolah Sukan FC telah menyaksikan rentak pemain Limbang FA semakin menemui keserasian.

"Saya harap pemain-pemain berjaya meningkatkan reputasi permainan masing-masing dan terus menyerlah pada perlawanan seterusnya," ujarinya yang juga selaku Pengurus Pasukan Limbang FA.

Tambahnya lagi, Kejohanan Liga Bola Sepak Jemputan merebut Piala Lela Cheteria 2025 akan terus mencabar apabila musim jendela pendaftaran pemain baharu yang sudah pasti setiap pasukan membawa para pemain yang lebih mantap untuk mengukuhkan pasukan masing-masing.

Pada keputusan lain, Gergasi FC berkongsi mata setelah terikat tanpa jaringan dengan Kasuka FC di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, sementara Penabai Kuala Tutong FT (PKT FT) berjaya mencipta kemenangan sulung selepas menghukum kealpaan Supa Strikas FC dengan jaringan 3 - 0 di Kompleks Sukan Batu Apoi, Temburong.



ANTARA aksi para pemain pada Kejohanan Liga Bola Sepak Jemputan merebut Piala Lela Cheteria 2025.



MASIH BERPELUANG REBUT TEMPAT KE-3

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 Mei. - Brunei DPMM FC sekali lagi terpaksa akur setelah tewas kepada Lion City Sailors FC dengan keputusan 2 - 0 pada siri perlawanan timbal balik kedua (*second leg*) Piala Singapura (Singapore Cup) yang berlangsung di Bishan Stadium, Singapura, malam tadi.

Pada babak pertama perlawanan menyaksikan Brunei DPMM FC cuba untuk mengatur serangan tetapi gagal apabila Lion City Sailors FC lebih bijak menguasai permainan dengan beberapa kali percubaan dilakukan untuk menjaringkan gol pertama dan akhirnya berjaya dihasilkan melalui Diogo Costa pada minit ke-33.

Manakala pada separuh masa kedua pula menyaksikan Brunei DPMM FC terus berusaha untuk mengawal permainan dan melakukan beberapa serangan namun masih gagal untuk menembusi gawang pasukan lawan.

Brunei DPMM FC kurang bernasib baik setelah beberapa serangan yang dilakukan oleh Lion City Sailors FC yang akhirnya memanfaatkan peluang keemasan setelah sepakan daripada Toni Datkovic menepati

ANTARA aksi perlawanan di antara Brunei DPMM FC menentang Lion City Sailors FC pada siri perlawanan timbal balik kedua (*second leg*) Piala Singapura (Singapore Cup) yang berlangsung di Bishan Stadium, Singapura.

sasaran pada minit ke-60.

Walaupun kedua-dua pasukan terus mengasak untuk mencuba melakukan rembatan gol tetapi kedudukan kekal bertahan 2 - 0 sehingga tamat masa perlawanan.

Dengan keputusan tersebut, Brunei DPMM FC gagal ke pusingan seterusnya dengan agregat 5 - 2. Manakala Tampines Rovers FC pula berjaya mara ke aksi *final* selepas menewaskan BG Pathum United 3 - 2 dengan agregat 4 - 3.

Perlawanan akhir Singapore Cup akan berlangsung pada 31 Mei 2025, bertempat di Stadium Jalan Besar, Singapura di antara Lion City Sailors FC menentang Tampines Rovers FC.



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Alishahrin Haji Mumin, Tangkap Layar RTBGo, YouTube Singapore Premier League

Manakala penentuan tempat ketiga Brunei DPMM FC menentang BG Pathum United bakal menyaksikan perlawanan di antara United.

Kasuka Ar Rawda julang piala BEFL 2024/2025



SUASANA penyampaian hadiah pada Majlis Penutup Kejohanan Brunei Elite Futsal League (BEFL) Edisi 2024/2025 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas (kiri dan kanan).

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 26 Mei. - Kasuka Ar Rawda berjaya menjulang piala Brunei Elite Futsal League (BEFL) 2024/2025 sekalipun tewas 3 - 5 kepada pencabar terdekat, Almeraz HiTUNE FC pada perlawanan terakhir liga berkenaan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Sekalipun hampa di penghujung perlawanan, pasukan didikan jurulatih Wahyu Triyanto berkenaan tetap berpesta apabila kekal berada di puncak liga dengan 37 mata hasil 12 kali kemenangan dan

sekali seri untuk membawa pulang piala, cek berupa wang tunai dan pingat selaku pasukan juara.

Penyampaian hadiah kepada pasukan juara disempurnakan oleh Pemangku Presiden Persatuan Bola Sepak Brunei (FABD), Pengiran Haji Kamarunsalehin bin Pengiran Haji Kamis pada Majlis Penutup Kejohanan BEFL Edisi 2024/2025.

Sementara, Pengerusi Yakin Football League, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang menyampaikan piala naib juara kepada Almeraz HiTUNE FC.

Manakala Shah United yang berada di tangga ke-3 telah menerima hadiah yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif HiTUNE Group of Companies, Dayang Hernah Nur Imani binti Muhd. Jeffrey.

Majlis Penutup Kejohanan juga menyaksikan kemeriahan berterusan oleh penyokong Kasuka Ar Rawda apabila dua pemain, iaitu Awang Nur Syafiq Aiman Salmizan menerima Anugerah Pemain Muda Terbaik, manakala Awang Abdul Azim Abdul Rahman pula dipilih selaku penerima Anugerah Penjaga Gol Terbaik.

Sementara itu, pemain bintang Almeraz HiTUNE FC, Abolfazl Minouel Hussein

menerima Anugerah Pemain Terbaik, manakala pemain lincah kelahiran Thailand yang menyuarungi jersi Shah United, Ridwan Awabuesa menjulang piala Penjaring Terbanyak liga.

Manakala Arbisyam FC yang berada di kelompok bawah BEFL pula menerima Anugerah Fair Play.

Pemangku Presiden FABD, Pengiran Haji Kamarunsalehin mengisytiharkan bagi penutupan Kejohanan Brunei Futsal League 2024/2025 selepas kejohanan yang dianjurkan dengan jayanya oleh Yakin Football League dan telah disokong oleh FABD.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

NASIHAH MENGUKUHKAN HUBUNGAN KEKELUARGAAN DAN PERSAHABATAN